

1: 2804

1100089102



LP 60 FPE 2 2009



1100089102

Faktor mempengaruhi perbezaan pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri/usahawan : kajian kes Kuala Terengganu / Siti Rohaiza Md Yasin.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089102		

Lihat Sebelah

**HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH**

**FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN ANTARA
GOLONGAN BERPENDAPATAN TETAP DENGAN GOLONGAN
BEKERJA SENDIRI/USAHAWAN:
KAJIAN KES KUALA TERENGGANU**

**SITI ROHAIZA MD YASIN
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

30 APRIL 2009



SITI ROHAIZA BTE MD YASIN

UK 12939

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

30 APRIL 2009



SITI ROHAIZA BTE MD YASIN

UK 12939

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kertas projek ini (EKN 4399A/B) ini telah berjaya disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat semasa saya menjalani kursus EKN 4399A/B ini terutamanya kepada Dr. Suriyani Bte Dato' Muhamad selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta kepercayaan dan peluang yang diberikan dalam menjalani dan menyediakan kajian ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada keluarga tersayang yang telah banyak memberi dorongan kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan kertas projek tahun akhir ini disamping membantu saya dari segi kewangan. Ucapan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana telah banyak membantu semasa saya menjalankan proses mengumpulkan maklumat daripada responden untuk mendapatkan keputusan kajian yang lebih tepat dan persis.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Cawangan Negeri Terengganu, Lembaga Tabung Haji serta Majlis Bandaraya Kuala Terengganu kerana telah membantu saya dalam memberikan maklumat pekerja berpendapatan tetap semasa menjalankan kajian ini.

Akhir sekali saya berharap agar kajian ini menjadi rujukan mana-mana pihak yang memerlukan.

Siti Rohaiza Bte Md Yasin
Apartment Bangi Idaman,
Blok A no-A-2-4 Jln 5c/5,
43650 Bandar Baru Bangi,
Kajang S.D.E.

ABSTRAK

Pembangunan modal insan adalah merupakan aset penting bagi negara kita bagi melahirkan guna tenaga yang kompetitif pada masa hadapan. Kerajaan juga telah menggariskan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, mahir serta inovatif bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan dapat mengubahnya kepada sistem ekonomi yang lebih berpengetahuan. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti faktor seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja, kemahiran serta tingkat usaha yang mempengaruhi perbezaan tingkat pendapatan antara golongan yang berpendapatan tetap dengan golongan yang bekerja sendiri/usahawan dengan menggunakan analisis regresi berbilang melalui beberapa pengujian seperti pengujian-t dan pengujian-F. Berdasarkan hasil kajian, mendapati bahawa taraf pendidikan dan pengalaman bekerja mempengaruhi tingkat pendapatan atau keuntungan bagi kedua-dua golongan ini. Maka kerajaan perlu memainkan peranan bagi memastikan masyarakat hari ini bijak memilih peluang pekerjaan demi menjamin masa depan mereka.

ABSTRACT

Human capital development is the important asset for our country to generate a competitive labour force in the future. The government had stated the line for human capital development which is educated, skilled, and innovative to maintain the increment of economic growth in Malaysia and thus could change it into more educational and informative economic system. The objective of this paper is to determine the factors such as education level, work experiences, work skills and effort that has influenced to differences in the income of employed and self employed/entrepreneur people using the multiple regression model with t-test and F-test. Based on the result, it was found that education and work experience has influences the income or profit for both employed and self employed. Therefore, the government should play a role to ensure that society has the best choice of job opportunity for the sake of their future.

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
DAFTAR KATA	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Senario Guna Tenaga di Malaysia dan Kawasan Kajian Kes	4
1.2	Dasar Kerajaan Dalam Meningkatkan Guna Tenaga	10
1.3	Permasalahan Kajian	14
1.4	Objektif Kajian	17
1.4.1	Objektif umum	18
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Skop Kajian	19
1.7	Kepentingan Kajian	20
1.8	Metodologi Kajian	22
1.9	Organisasi Penulisan	23

BAB 2: FAKTOR PERBEZAAN TINGKAT PENDAPATAN MENGIKUT TARAF GUNA TENAGA UTAMA

2.0	Pendahuluan	25
2.1	Ulasan Karya	26
2.1.1	Kajian kes 1	26
2.1.2	Kajian kes 2	29
2.1.3	Kajian kes 3	31

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	34
3.1	Sumber Data	35
3.1.1	Data Primer	35
3.1.2	Pembentukan Soal Selidik	35
3.1.3	Data Sekunder	36
3.2	Metodologi Kajian	37
3.2.1	Analisis Regrasi Berbilang	38
3.2.2	Pembentukan Hipotesis	39
3.2.3	Analisis Deskriptif	40
3.2.4	Analisis Penyebab	40

BAB 4 : ANALISIS HASIL KAJIAN

4.0	Pendahuluan	42
4.1	Analisis Deskriptif	43
4.1.1	Analisis Deskriptif golongan Berpendapatan Tetap	43
4.1.2	Analisis Deskriptif Golongan Bekerja sendiri/usahawan	48
4.2	Analisis Regrasi Berbilang	52
4.2.1	Pengujian-t bagi Golongan Berpendapatan Tetap	53
4.2.2	Pengujian-t bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan	60
4.2.3	Pengujian-F bagi Golongan Berpendapatan Tetap	67
4.2.4	Pengujian-F bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan	70
4.3	Kesimpulan	72

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	73
5.1	Rumusan kajian	73
5.2	Implikasi Dasar	76
5.3	Cadangan	77
5.4	Kesimpulan	79

RUJUKAN	82
----------------	----

LAMPIRAN	84
-----------------	----

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Malaysia, 2007	2
1.2	Pendaftar Aktif, Pendaftar Baru, Kekosongan dan Penempatan (2003- 2007).	3
1.3	Taburan Peratus Penduduk yang Bekerja Mengikut Negeri Dan Taraf Guna Tenaga, Malaysia, 2004.	5
1.4	Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan Dan Jantina (2007)	6
1.5	Penglibatan Tenaga Buruh Di Terengganu	7
1.6	Enrolmen Di institusi Awam Tempatan, 2000-2005	9
1.7	Jumlah Pencari Kerja Berdaftar, 2003- Jun 2007	12
1.8	Penempatan-Penempatan Pendaftar Kerja, 2003 – 2007	13
4.1	Output Analisis Regrasi bagi Golongan Berpendapatan Tetap	55
4.2	Output Analisis Regrasi bagi Golongan Bekerja Sendiri/Usahawan	62
4.3	Output Analisis Varians (ANOVA) Bagi Golongan Berpendapatan Tetap	68
4.4	Output Analisis Varians (ANOVA) Bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan	71

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
4.1	Taraf Pendidikan Golongan Berpendapatan Tetap	43
4.2	Peratusan Taraf Kelayakan Responden Diterima Bekerja Berbanding Taraf Kelayakan Sebenar	44
4.3	Jenis Pekerjaan Golongan Berpendapatan Tetap	46
4.4	Pengalaman Bekerja Golongan Berpendapatan Tetap	47
4.5	Taraf Pendidikan Golongan Bekerja Sendiri/usahawan	48
4.6	Pengalaman Berniaga Golongan Bekerja Sendiri/usahawan	49
4.7	Ilmu Perniagaan Yang Diperolehi Bagi Individu Tidak Menghadiri Kursus	50
4.8	Waktu Operasi Perniagaan Golongan Bekerja Sendiri/usahawan	51
4.9	Pengujian t-statistik bagi faktor taraf pendidikan*	56
4.10	Pengujian t-statistik bagi faktor pengalaman bekerja*	57
4.11	Pengujian t-statistik bagi faktor tingkat usaha (anugerah)*	58
4.12	Pengujian t-statistik bagi faktor kemahiran pekerja (kursus)*	60
4.13	Pengujian t-statistik bagi faktor taraf pendidikan**	63
4.14	Pengujian t-statistik bagi faktor pengalaman berniaga (tahun)**	64
4.15	Pengujian t-statistik bagi faktor tingkat usaha (waktu operasi)**	65
4.16	Pengujian t-statistik bagi faktor kemahiran pekerja (kursus/seminar)**	67
4.17	Pengujian F-statistik bagi kesemua pembolehubah tidak bersandar	69
4.18	Pengujian F-statistik bagi kesemua pembolehubah tidak bersandar	72

DAFTAR KATA

KDNK	-Keluaran Dalam Negara Kasar
RMK-9	-Rancangan Malaysia Kesembilan
EKS	-Enterprise Kecil dan Sederhana
ILP	-Institut Latihan Perindustrian
IKBN	-Institut Latihan Kemahiran Belia Negara
SPM	-Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-Statistical Package For The School Social
GLC	-Government Link Corporation

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Borang Soal Selidik Golongan Berpendapatan Tetap	84
B	Borang Soal Selidik Golongan Bekerja Sendiri/Usahawan	92
C	Jadual taburan t	101
D	Jadual taburan F bagi α 0.01	102
E	Jadual taburan F bagi α 0.05	103

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Guna tenaga dapat didefinisikan sebagai jumlah bilangan buruh yang digunakan oleh sektor ekonomi untuk menghasilkan keluaran negara. Apabila kesemua jumlah tenaga buruh sesebuah ekonomi digunakan secara sepenuhnya maka ini dipanggil sebagai guna tenaga penuh. Sesebuah negara itu diandaikan telah mencapai guna tenaga penuh apabila kadar pengangguran adalah rendah iaitu antara 2 peratus hingga 4 peratus. Ini jelas terbukti apabila kadar pengangguran pada tahun 2007 seperti dalam jadual 1.1, sebanyak 3.2 peratus iaitu berada antara kadar pengangguran yang agak rendah. Pencapaian guna tenaga penuh dalam sesebuah negara merupakan matlamat yang utama bagi kebanyakan negara termasuk negara Malaysia.

JADUAL 1.1 Perangkaan Utama Tenaga Buruh, Malaysia, 2007.

Ciri	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Penduduk (juta)	27.1	13.8	13.3
Penduduk umur bekerja (‘000)	17,219.6	8,757.9	8,461.2
Tenaga buruh (‘000)	10,889.5	6,963.5	3,926.0
Penduduk bekerja (‘000)	10,538.1	6,747.1	3,791.0
Bilangan penganggur (‘000)	351.4	216.4	135.0
Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	63.2	79.5	46.4
Kadar pengangguran (%)	3.2	3.1	3.4

(Sumber : Perangkaan Tenaga Buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007)

Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengkaji dan memastikan keperluan guna tenaga di negara mencukupi sepertimana yang diinginkan supaya dapat menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih maju dan dinamik. Mengikut statistik pencari kerja di jabatan tenaga kerja, seramai 335 ribu orang yang mendaftar untuk mencari kerja di sepanjang tahun 2001 sehingga tahun 2003. Menurut sumber dari Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, penempatan oleh pendaftar aktif atau pendaftar baru pencarian pekerjaan meningkat pada tahun 2007 iaitu sebanyak 22,018 penempatan berbanding pada tahun 2006 iaitu sebanyak 15,803 penempatan. (Rujuk Jadual 1.2). Ini jelas menunjukkan bahawa kementerian tersebut sentiasa berusaha untuk memastikan pendaftar aktif atau baru mendapat tempat dalam industri.

JADUAL 1.2: Pendaftar Aktif, Pendaftar Baru, Kekosongan dan Penempatan,
(2003- 2007).

Tahun	Pendaftar Aktif	Pendaftar Baru	Kekosongan Jawatan	Penempatan	Nisbah
2003	28,404	404,149	96,918	16,969	1:1.1
2004	27,227	88,753	49,975	6,192	1:1.8
2005	72,573	143,246	304,500	17,459	1:0.5
2006	84,046	119,135	834,675	15,803	1:0.1
2007	92,508	131,929	825,182	22,018	1:0.2

(Sumber : Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, 2003-2007)

Rancangan Malaysia ke-9 yang telah dibentangkan, menekankan kepada pembangunan guna tenaga Malaysia demi mencapai wawasan 2020 seperti mana yang disarankan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi. Mengikut prestasi ekonomi Malaysia pada setengah tahun pertama 2005 mendapati bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara terus kekal pada tahap stabil sebanyak 6 peratus pada tahun 2006. Manakala pasaran buruh negara dijangka terus kekal stabil dengan keadaan pengangguran sebanyak 3.5 peratus secara keseluruhan. Kadar penyertaan guna tenaga dalam pasaran buruh negara adalah sebanyak 68.2 peratus daripada jumlah tenaga kerja yang sedia ada. Jumlah jawatan baru yang dijangka diwujudkan bagi tempoh 2005 sehingga 2010 adalah sebanyak 2.5 juta jawatan dalam pelbagai sektor ekonomi Malaysia. Data terkini mendapati bahawa kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2005 adalah pada kadar 3.5 peratus.

1.1 SENARIO GUNA TENAGA DI MALAYSIA DAN KAWASAN KAJIAN KES

Masalah pengangguran dan kesukaran mendapat pekerjaan di sektor kerajaan atau swasta bukan sahaja menjadi kerisauan kepada para pencari pekerjaan terutamanya para graduan di negara ini, malah masalah ini juga turut menjadi kerisauan pihak kerajaan kerana akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran di negara ini merupakan antara kedua yang terendah di negara ASEAN selepas Singapura dan telah tersenarai dalam 20 buah negara yang mencatat bilangan yang paling rendah di dunia. Namun begitu, kerajaan masih mengambil beberapa tindakan bagi mengatasi masalah pengangguran tersebut dan antaranya ialah seperti menjalankan Program Karnival Sure Kerja yang telah diadakan 12 kali di seluruh negeri. Selain itu, sikap tegas kerajaan yang telah menghadkan pengambilan buruh asing kecuali di sektor perkhidmatan merupakan antara langkah yang terbaik pernah diambil oleh pihak kerajaan.

Berdasarkan jadual 1.3 menunjukkan taburan peratusan penduduk Malaysia mengikut taraf guna tenaga yang terdiri daripada majikan, pekerja, bekerja sendiri dan pekerja keluarga tanpa gaji pada tahun 2004. Berdasarkan statistik, jelas menunjukkan bahawa bilangan pekerja mencatat jumlah paling tinggi berbanding jumlah bekerja sendiri pada tahun 2004 iaitu sebanyak 7,429,700 jumlah pekerja. Manakala bagi bekerja sendiri pula sebanyak 1,695,400 orang pekerja dan begitu juga bagi majikan serta pekerja keluarga tanpa gaji masing-masing seramai 353,400 dan 508,100 orang. Namun begitu, peratusan pekerja di Negeri Terengganu jelas mencatat antara peratusan yang rendah iaitu sebanyak 2.9 peratus manakala bagi bekerja sendiri sebanyak 5.1 peratus. Ini jelas kelihatan bahawa pada tahun 2004 bekerja sendiri mencatat jumlah paling tinggi berbanding pekerja makan gaji. Negeri yang mencatat peratusan pekerja paling tinggi ialah Negeri Selangor iaitu sebanyak 22.2 peratus dan negeri yang mencatat paling rendah ialah Wilayah Persekutuan Labuan iaitu hanya sebanyak 0.3 peratus.

JADUAL 1.3 : Taburan Peratus Penduduk yang Bekerja Mengikut Negeri Dan Taraf

Guna Tenaga, Malaysia, 2004.

Negeri	Jumlah	Majikan	Pekerja	Bekerja sendiri	Pekerja keluarga tanpa gaji
Jumlah	9,986,600	353,400	7,429,700	1,695,400	508,100
Johor	12.3	13.2	13.2	9.9	6.6
Kedah	6.6	5.3	5.9	9.7	6.4
Kelantan	4.4	3.7	3.2	8.1	10.3
Melaka	2.7	2.5	2.8	2.3	1.5
Negeri Sembilan	3.6	4.2	3.6	3.4	4.3
Pahang	5.3	6.2	4.8	6.9	6.7
Perak	7.9	7.0	7.7	8.5	9.9
Perlis	0.7	0.4	0.7	1.2	0.3
Pulau Pinang	6.2	6.4	6.7	5.2	3.6
Sabah	10.8	9.3	10.5	11.9	12.4
Sarawak	9.2	7.6	7.9	11.2	23.3
Selangor	19.8	21.0	22.2	12.6	7.8
Terengganu	3.4	3.5	2.9	5.1	4.9
W.P. Kuala Lumpur	6.7	9.3	7.6	3.8	1.8
W.P. Labuan	0.3	0.3	0.3	0.2	0.1

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004)

Namun begitu, jumlah tersebut telah menunjukkan peningkatan pada tahun 2007. Jadual 1.4 membuktikan jumlah pekerja meningkat dari 7,429,700 orang kepada 7,824,000 orang pada tahun 2007. Walaupun jumlah peningkatan tidak begitu tinggi namun masih menunjukkan peningkatan yang positif dalam tempoh 3 tahun tersebut. Begitu juga dengan jumlah bekerja sendiri menunjukkan peningkatan iaitu kepada 1,831,500 orang berbanding 1,695,400 orang pada tahun 2004 dan diikuti dengan jumlah majikan dan pekerja keluarga tanpa gaji masing-masing kepada 362,500 dan 520,100 orang pada tahun 2007.

JADUAL 1.4 :Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan Dan Jantina, 2007

Taraf Pekerjaan	Jumlah	Lelaki	Perempuan
Jumlah	10,538.1	6,747.1	3,791.0
Majikan	362.5	311.6	50.9
Pekerja	7,824.0	4,893.4	2,920.7
Bekerja sendiri	1,831.5	1,356.9	474.6
Pekerja keluarga tanpa gaji	520.1	185.2	334.9

(Sumber : Perangkaan tenaga buruh Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia 2007)

Berdasarkan jadual 1.5 menunjukkan bilangan orang yang bekerja di Negeri Terengganu pada tahun 1990 hingga 2007. Seramai 246,334 orang yang bekerja pada tahun 1990 manakala jumlah ini terus meningkat dalam tempoh sepuluh tahun iaitu pada tahun 2000 iaitu seramai 321,561 jumlah orang bekerja. Jumlah orang yang bekerja terus meningkat pada empat tahun seterusnya iaitu pada tahun 2004 iaitu seramai 369,155 orang. Manakala pada tahun 2005 jumlahnya terus meningkat iaitu seramai 379,391 orang. Namun begitu pada tahun 2006, jumlahnya menurun sedikit iaitu kepada 352,256 disebabkan beberapa faktor yang berpunca daripada keadaan ekonomi pada ketika itu. Namun begitu, pada tahun seterusnya meningkat semula kepada 383,458 orang. Ini jelas kelihatan bahawa terdapat peningkatan yang begitu

ketara di Terengganu pada tempoh hampir 20 tahun ini. Faktor peningkatan ini disebabkan oleh pembangunan yang pesat telah berlaku di negeri tersebut serta taraf hidup yang juga meningkat, telah memaksa masyarakat untuk keluar bekerja. Begitu juga dengan jumlah tenaga buruh turut meningkat pada setiap tahun kecuali pada tahun 2006 melihatkan penurunan jumlah guna tenaga seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.5 dibawah.

JADUAL 1.5 Penglibatan Tenaga Buruh Di Terengganu

Penduduk dan tenaga buruh	1990	2000*	2004	2005	2006	2007**
Penduduk (juta)	752,026	898,825	1,023,790	1,055,943	1,081,286	1,067,900
Bil.penduduk dalam kumpulam umur bekerja(15-64 tahun)	400,153	502,483	572,343	590,318	604,486	649,400
Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	67.5	66.8	66.7	66.6	60.2	61.0
Jumlah tenaga buruh	270,103	335,659	381,753	393,152	363,901	396,134
Kadar pengangguran (%)	8.8	4.2	3.3	3.5	3.2	3.2
Bilangan menganggur	23,769	14,098	12,598	13,760	11,645	12,676
Bilangan orang bekerja	246,334	321,561	369,155	379,391	352,256	383,458

(Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, Jabatan Perangkaan Malaysia)

*Pengiraan semula

**Pengiraan dibuat berasaskan kepada bilangan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan

Negara perlu membangunkan modal guna tenaga insan untuk menjadi lebih kompetitif pada masa hadapan bukan hanya setakat mempunyai sumber manusia kerana ianya tidak memadai. Modal guna tenaga manusia diperlukan adalah yang berpengetahuan, bermoral serta juga mempunyai semangat yang kukuh. Institusi Pendidikan Tinggi Awam mahupun swasta berperanan dalam memberikan pendidikan yang cemerlang bagi membolehkan guna tenaga pada masa kini lebih melengkapi diri dengan pengetahuan. Kerajaan menggariskan pembangunan modal insan yang berpengetahuan, mahir dan inovatif sebagai satu daripada teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi meningkatkan rantaian nilai ekonomi dan mengubahnya kepada sistem ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Tenaga yang tergolong dalam golongan cendekiawan dan berkemahiran bukan saja dianggap sebagai pemangkin dan penggerak dalam menjana pertumbuhan negara dengan lebih mapan lagi malah pada masa yang sama turut menyumbang untuk melahirkan lebih ramai golongan profesional dan semi profesional dalam pelbagai bidang yang diperlukan dalam negara. Jadual 1.6 jelas menunjukkan jumlah enrolmen di institusi awam telah meningkat dalam tempoh tiga tahun iaitu bermula pada tahun 2000, terutamanya enrolmen bagi ijazah iaitu seramai 201,271 pada tahun 2000, dan telah meningkat dalam tempoh lima tahun, iaitu kepada 289,806 jumlah enrolmen pada tahun 2005. Begitu juga dengan kadar enrolmen di peringkat sekolah rendah, turut menunjukkan peningkatan. Petanda ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat kita pada hari ini sedar bahawa pendidikan merupakan aset penting dalam kehidupan sekaligus menjana pembangunan ekonomi negara.

JADUAL 1.6 Enrolmen Di institusi Awam Tempatan, 2000-2005

Peringkat pendidikan	Enrolmen		
	2000	2003	2005
Prasekolah	271,596	323,224	424,930
Rendah	2,899,048	2,990,067	3,040,643
Menengah Rendah	1,254,985	1,257,960	1,283,676
<i>Sek.kerajaan&bantuan kerajaan</i>	1,250,766	1,249,837	1,275,074
<i>Maktab Rendah Sains Mara</i>	4,219	8,123	8,602
Menengah Atas	766,936	817,341	827,325
<i>Sekolah Kerajaan & bantuan Kerajaan</i>	697,717	729,144	733,271
<i>Maktab Rendah Sains Mara</i>	8,794	11,568	12,157
<i>Sekolah Teknik&Vokasional</i>	60,425	76,629	81,887
Menengah Tinggi	71,117	118,954	119,687
<i>Sekolah Kerajaan & Bantuan Kerajaan</i>	47,998	88,827	88,580
<i>Kursus Pradiploma & Prauniversiti</i>	23,119	30,127	31,107
Pendidikan Guru(bukan siswazah)	14,256	17,503	7,948
Sijil	28,154	56,105	88,848
Diploma	92,308	122,545	148,025
Ijazah	201,271	250,482	289,806
Jumlah	5,599,671	5,954,181	6,230,878

(Sumber : Laporan Separuh Penggal Pertama, Rancangan Malaysia Ke-8, Jabatan Perangkaan Malaysia ,00-05)

Kerajaan juga akan sentiasa mengkaji sistem pendidikan termasuk menilai semula kurikulum dan kokurikulum agar dapat melahirkan pelajar yang mahir berfikir serta mempunyai kreativiti dan inovasi. Selain menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur pembelajaran bagi menyediakan peluang dan membangunkan modal insan mencukupi kepada negara termasuk melalui pembinaan sekolah, universiti, kolej komuniti, politeknik dan kolej latihan. Peratusan penduduk mendapat peluang pendidikan di semua peringkat juga meningkat. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan bahawa jumlah enrolmen pada pelbagai peringkat pendidikan sama ada peringkat paling rendah mahupun peringkat tertinggi telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tempoh lima tahun tersebut.

1.2 DASAR KERAJAAN DALAM MENINGKATKAN GUNA TENAGA

Kerajaan telah melancarkan banyak perancangan perniagaan untuk cuba mengurangkan pergantungan terhadap pencarian pekerjaan tetap sama ada di sektor kerajaan mahupun sektor swasta bagi mengurangkan masalah pengangguran yang dihadapi di negara ini. Seperti yang kita semua ketahui, tindakan kerajaan yang telah memperkenalkan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) adalah merupakan salah satu daripada usaha untuk masalah tersebut. Menurut sumber Berita Harian pada 23 Jun 2008, bekas Perdana Menteri telah mengumumkan satu langkah baru bagi membantu EKS serta memberi jaminan untuk terus berusaha menjaga kepentingan rakyat dan bersedia melakukan apa saja bagi membantu meringankan beban mereka, terutama golongan berpendapatan rendah berikutan kenaikan harga minyak dan barang dengan menambahkan permit perniagaan. Selain itu, kerajaan tidak mahu rakyat di negara ini hanya semata-mata bergantung kepada pekerjaan di sektor kerajaan mahupun swasta.

Hasil banci yang telah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2005, telah mengesahkan Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) ialah majikan yang utama dalam pasaran pekerja. Sejumlah 518,996 EKS yang memberi maklum balas dalam bancian yang dijalankan dan telah mendapati bahawa industri tersebut telah mengambil lebih daripada 3 juta pekerja, mencakupi 65.1 peratus daripada jumlah guna tenaga sebanyak 4.6 juta dalam pertubuhan perniagaan itu. Daripada jumlah ini, 2.2 juta pekerja diambil bekerja dalam sektor perkhidmatan, manakala 740,000 dan 131,000 pekerja masing-masing diambil bekerja dalam sektor perkilangan dan pertanian. Guna tenaga yang diwujudkan oleh EKS terdiri daripada pekerjaan secara sendiri (pemilik perniagaan yang bekerja sendiri, rakan niaga yang aktif dan ahli keluarga yang bekerja tanpa bayaran gaji) serta pekerjaan sepenuh masa dan sambilan. Ini jelas dilihat bahawa langkah kerajaan ini telah membuahkan hasil yang begitu baik dan secara tidak langsung mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan Malaysia sedar bahawa penempatan kepada pencari serta pendaftar kerja merupakan salah satu faktor berlakunya masalah pengangguran di negara ini. Kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan penempatan mengikut taraf pendidikan para pendaftar kerja di negara ini. Rajah 1.7 telah menunjukkan bilangan pendaftar kerja mengikut taraf pendidikan telah meningkat walaupun pada tahun 2004 jumlahnya telah menurun dari 28,404 kepada 27,227 pada tahun 2005 dan terus meningkat sehingga akhir Jun 2007 iaitu kepada 93,314 jumlah pendaftar. Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan yang begitu positif dan dapat membuktikan bahawa masyarakat pada hari ini amat mementingkan pekerjaan terutamanya para graduan di negara ini. Namun, daripada jumlah tersebut hanya beberapa tempat sahaja dapat ditempatkan oleh pendaftar pekerja pada setiap tahun (rujuk jadual 1.8). Berdasarkan jadual, menunjukkan jumlah penempatan yang dapat ditempatkan mengikut industri yang sesuai telah meningkat pada setiap tahun walaupun pada tahun 2004 berlaku penurunan yang begitu ketara. Pada tahun berikutnya jumlah penempatan telah meningkat kepada 17,459 daripada 6,182 pada tahun 2004. Jumlah ini terus meningkat sehingga akhir Jun 2007 iaitu kepada 11,233 dan masih berpotensi untuk meningkat.

Dengan itu, jelas bahawa kerajaan Malaysia sentiasa ingin memastikan rakyatnya terutamanya golongan siswazah mendapat tempat di sektor-sektor terpilih kerana ingin mengelakkan masalah pengangguran berlaku. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bagi menambahkan bilangan guna tenaga terutamanya di sektor-sektor yang agak mundur dan kurang mendapat tempat di hati masyarakat seperti bidang pertanian dan perikanan kerana sektor ini hanya mendapat perhatian di kawasan luar bandar sahaja.

JADUAL 1.7 : Jumlah Pencari Kerja Berdaftar, 2003- Jun 2007

Tahun	Jumlah/Taraf pendidikan	Kurang dari SRP/PMR	SRP/PMR	SPM	Sijil kemahiran	STPM,Matrik Diploma dan ijazah
2003	28,404	1,685	3,514	18,108	-	5,097
2004	27,227	985	1,748	8,513	4,311	11,670
2005	72,573	1,060	3,395	23,402	8,561	36,155
2006	84,046	1,302	3,166	24,288	10,143	45,147
2007 (akhir jun)	93,314	1,175	3,387	28,839	12,067	47,846

(Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 2003-2007)

JADUAL 1.8: Penempatan-Penempatan Pendaftar Kerja, 2003 - 2007

Tahun	Jumlah	Pertanian, perhutanan dan perikanan	Pembuatan	Lain-lain
2003	16,267	142	6,646	9,479
2004	6,182	419	2,808	2,955
2005	17,459	131	6,620	10,708
2006	15,803	725	6,501	8,577
2007 (jan-jun)	11,233	471	4,678	6,084

(Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, 2003-2007)

Kerajaan juga seringkali menggalakkan para belia di negara ini supaya diberi pelbagai bentuk latihan dalam pelbagai bidang. Kedua-dua sektor awam dan swasta telah melaksanakan latihan kemahiran secara formal bagi memastikan belia berupaya menyumbang secara produktif kepada ekonomi. Latihan vokasional secara formal di peringkat pertengahan dalam pelbagai bidang telah dilaksanakan. Di samping itu, latihan kemahiran juga telah dijalankan di Institut Latihan Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Tambahan lagi, program latihan kemahiran bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang termasuk teknologi termaju dan kemahiran ringan bagi meningkatkan peluang mendapat pekerjaan. Golongan belia telah dilatih dalam pelbagai bidang teknikal seperti kejuruteraan mekanikal, elektrik dan awam serta dalam bidang motor mekanik. Langkah tersebut bagi memastikan belia khususnya dan masyarakat amnya mempunyai kemahiran asas dalam bidang teknologi maklumat, kursus komputer dalam menjana pendapatan mereka.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Malaysia tergolong dalam negara yang sedang membangun dan berhadapan dengan masalah pengangguran. Akibat daripada masalah pengangguran ini masyarakat sentiasa berlumba-lumba untuk mendapatkan tempat pekerjaan seperti mana yang diinginkan. Malah dari aspek negara itu sendiri guna tenaga amat perlu bagi memastikan agenda pertumbuhan negara sentiasa dapat dijalankan dengan lancar dari semasa ke semasa. Kadar pengangguran bagi empat tahun kebelakangan ini menunjukkan kadar purata yang menurun. Pada tahun 2004, kadar pengangguran adalah 3.6 peratus. Kadar ini menurun kepada 3.4 peratus pada 2005 tetapi menurun sebanyak 1 peratus pada tahun 2006 iaitu menjadi 3.3 peratus manakala pada suku ketiga tahun 2007, kadar pengangguran adalah sebanyak 3.1 peratus. Daripada kadar-kadar tersebut dapat dianggarkan bahawa kadar pengangguran pada tahun 2008 akan menurun yang disebabkan oleh penawaran kerja yang banyak iaitu lebih kurang 3.4 peratus.

Kebanyakan masyarakat pada hari ini tidak menyedari bahawa masalah ini berlaku bukanlah semata-mata disebabkan penawaran kerja yang terhad, tetapi sebaliknya ciri-ciri pekerja yang dikehendaki tidak dapat memenuhi kehendak majikan. Ini adalah disebabkan masyarakat kita pada hari ini hanya semata-mata bergantung kepada sijil akademik untuk mendapatkan pekerjaan. Mereka seharusnya peka terhadap kehendak majikan dalam pemilihan ciri-ciri tersebut dengan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran terutamanya kemahiran berkomunikasi. Namun begitu, masih terdapat majikan yang hanya mementingkan akademik serta pengalaman yang dimiliki oleh seseorang dalam bidang yang mereka ceburi dalam pemilihan pekerja kerana ingin memastikan bahawa prestasi kerja serta industri tersebut dapat dikekalkan bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan. Seseorang individu terutamanya bagi golongan berpendapatan tetap, pengalaman bekerja merupakan antara salah satu faktor majikan untuk mengambil mereka bekerja.

Situasi yang hampir sama berlaku apabila seseorang individu itu memilih untuk bekerja sendiri atau sebagai usahawan. Ini kerana faktor taraf pendidikan serta kemahiran harus seiring dan dititikberatkan bagi menjamin tingkat pendapatan para usahawan atau golongan bekerja sendiri (WEI CHI;2007). Tambahan lagi kursus-kursus yang dihadiri bagi meningkatkan kemahiran dalam dunia perniagaan turut menjadi penyumbang kepada keuntungan golongan tersebut. Pengalaman dalam perniagaan juga amat penting bagi merancang strategi perniagaan dengan lebih teliti kerana berdasarkan pengalaman yang lalu, mereka mampu menjangkakan situasi yang bakal dihadapi pada masa hadapan. Jangkaan ini amat penting bagi seseorang usahawan dalam menentukan jumlah output yang mereka ingin hasilkan supaya keuntungan yang diperolehi mencapai sasaran mereka.

Menurut penemuan kajian oleh dua orang pengkaji dari Jabatan Ekonomi, Institut Politeknik Virginia dan Universiti Blacksburg, (Amerika Syarikat) iaitu Dennis Tao Yang & Mark Yuying An (2002), telah mendapati bahawa persekolahan serta pengalaman memberi kesan yang begitu ketara kepada pendapatan penduduk luar bandar disamping dapat meningkatkan keuntungan pertanian dan bukan pertanian, dan pencapaian modal insan juga mampu meningkatkan pengagihan faktor antara sektor. Penemuan empirikal pengkaji juga jelas menunjukkan bahawa taraf pendidikan juga harus diambilkira walaupun seseorang itu memilih untuk bekerja sendiri.

Namun begitu, pendapatan yang dijana oleh golongan bekerja sendiri/usahawan ini adalah tidak menentu walaupun mereka boleh meraih keuntungan yang berlipat kali ganda bergantung kepada strategi serta tingkat usaha yang mereka sasarkan dalam mencapai keuntungan maksimum. Hal ini adalah disebabkan dunia perniagaan merupakan industri yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi semasa negara dan merupakan satu bidang yang memerlukan risiko serta perancangan yang begitu teliti. Berbeza pula dengan golongan yang berpendapatan tetap kerana mereka tidak perlu bimbang dengan pendapatan yang mereka miliki sekiranya berlaku keadaan ekonomi negara tidak stabil kerana pendapatan tersebut adalah tetap pada setiap bulan. Namun

golongan ini masih harus mengekalkan prestasi serta produktiviti kerja mereka supaya terus mendapat kepercayaan majikan sekaligus dalam mengekalkan kedudukan dalam pekerjaan mereka.

Kesemua ciri-ciri seperti pendidikan, pengalaman, kemahiran, serta tingkat usaha yang dinyatakan merupakan antara faktor-faktor yang mampu mempengaruhi pendapatan serta keuntungan bagi kedua-dua golongan iaitu berpendapatan tetap serta bekerja sendiri atau usahawan tersebut. Persoalan-persoalan seperti sejauh mana pendidikan, pengalaman, kemahiran serta tingkat usaha seseorang itu dapat mempengaruhi pendapatan serta keuntungan bagi kedua-dua golongan ini mungkin akan timbul. Maka dengan itu, kajian akan dijalankan bagi menentukan kebenaran kenyataan yang dibincangkan bagi kajian kes di Kuala Terengganu dalam membincangkan faktor-faktor yang sama tetapi pendekatan yang berbeza dengan menggunakan metodologi yang telah ditentukan.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, masyarakat di sekitar daerah Kuala Terengganu masih melibatkan diri dalam perniagaan walaupun ianya adalah perniagaan kecil-kecilan atau sebagai kerja sampingan mereka sahaja. Kebanyakan golongan tua sahaja yang melibatkan diri dalam perniagaan ini berbanding golongan muda. Namun, terdapat juga golongan muda yang turut membantu keluarga menguruskan perniagaan tersebut tetapi jumlahnya adalah kecil.

Situasi yang hampir sama berlaku bagi golongan berpendapatan tetap di Kuala Terengganu kerana sistem pengambilan pekerja adalah tertakluk oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Maka dengan itu tidak banyak perbezaan yang dapat dilihat jika dibandingkan dengan negeri-negeri di seluruh Malaysia kerana di Negeri Terengganu juga menghadapi masalah kesukaran mendapat pekerjaan di tempat mereka sendiri. Masalah ini menjadi punca masyarakat terutamanya golongan muda keluar untuk mencari pekerjaan di bandar kerana peluang pekerjaan lebih banyak memandangkan Negeri Terengganu merupakan negeri yang masih dalam proses

membangun jika dibandingkan negeri-negeri yang sudah maju seperti Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Namun, sejauh mana kebenaran bahawa faktor pendidikan, pengalaman, kemahiran serta tingkat usaha kedua-dua golongan ini mampu mempengaruhi pendapatan atau keuntungan yang mereka perolehi.

Tambahan lagi, tiada kajian sebelum ini yang dijalankan di negara ini bagi melihat faktor-faktor yang dinyatakan tadi mampu mempengaruhi pendapatan atau keuntungan serta kecenderungan kekuatan hubungan faktor-faktor tersebut kepada golongan terutamanya bagi golongan bekerja sendiri/usahawan. Maka dengan itu, kajian ini akan mengenalpasti serta menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan tingkat pendapatan antara golongan berpendapatan tetap serta golongan bekerja sendiri atau usahawan bagi kawasan kes di daerah Kuala Terengganu.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Memang diketahui umum bahawa tingkat pendapatan dalam sesebuah institusi kekeluargaan merupakan komponen yang amat penting dalam menghadapi taraf hidup yang kian meningkat. Hubungan positif ini wujud apabila tingkat pendapatan seseorang atau institusi itu berada pada tahap yang memuaskan, maka sesebuah masyarakat itu mampu hidup dengan selesa tanpa timbul masalah tidak mampu atau miskin dalam hidup mereka. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi negara juga akan turut meningkat kerana masyarakat mampu untuk berbelanja dengan pendapatan yang mereka miliki. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengupas beberapa persoalan yang akan dijawab melalui metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Dengan itu, terdapat objektif umum yang dibentuk supaya perbezaan tersebut dapat dilihat dengan jelas sekaligus satu pembentukan dasar berkaitan boleh dilakukan oleh kerajaan.

1.4.1 OBJEKTIF UMUM:

Secara umumnya, kajian ini ingin mengenalpasti faktor seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja, kemahiran serta tingkat usaha yang mempengaruhi perbezaan tingkat pendapatan antara golongan yang berpendapatan tetap dengan golongan yang bekerja sendiri/usahawan.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Adakah faktor pendidikan mempengaruhi pendapatan golongan berpendapatan tetap dan bekerja sendiri/usahawan.
- 2) Sejauh manakah pengalaman bekerja dapat meningkatkan pendapatan golongan berpendapatan tetap dan bekerja sendiri/usahawan.
- 3) Bagaimanakah kemahiran seseorang itu dapat mempengaruhi tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan.
- 4) Adakah faktor tingkat usaha yang digambarkan melalui penerimaan anugerah dapat mempengaruhi tingkat pendapatan golongan berpendapatan tetap.
- 5) Adakah waktu operasi perniagaan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan mampu mempengaruhi keuntungan yang mereka miliki.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu di daerah Kuala Terengganu sahaja. Kuala Terengganu yang mempunyai keluasan seluas 60,528.1 hektar. Manakala bagi daerah-daerah lain seperti Besut, Kemaman, Dungun, Setiu dan Hulu Terengganu masing-masing seluas 123,367.8 hektar, 253,559.9 hektar, 273,503.1 hektar, 130,436.3 hektar dan 387,462 hektar. Hulu Terengganu merupakan daerah yang mempunyai keluasan paling besar berbanding enam daerah lain dan telah membawa kepada jumlah keseluruhan bagi seluruh negeri Terengganu iaitu seluas 1,067,900 hektar. Jumlah campuran ini berbeza disebabkan oleh pembulatan. Kuala Terengganu yang merupakan ibu Negeri Terengganu yang mempunyai penduduk seramai 351,800 orang dan mempunyai kadar pertumbuhan penduduk sekitar 2.2 peratus pada tahun 2006 hingga 2007. Kuala Terengganu juga antara daerah yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi iaitu 582 penduduk bagi setiap kilometer persegi. Kuala Terengganu ini juga merupakan pusat pentadbiran serta perindustrian yang utama.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan pemerhatian di kawasan yang dinyatakan, dalam pemerhatian tersebut mendapati bahawa masyarakat di sekitar daerah Kuala Terengganu masih gemar menceburi bidang perniagaan walaupun secara kecil-kecilan. Masalah kesukaran untuk mencari pekerjaan dan telah mengambil langkah mudah untuk melibatkan diri dalam perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka, namun pendapatan yang diperolehi bergantung kepada keadaan semasa pasaran serta usaha mereka untuk memajukan perniagaan tersebut.

Berbeza pula apabila mereka yang berpendapatan tetap, atau makan gaji kerana pendapatan bulanan telah ditetapkan pada setiap bulan dan tidak perlu bimbang tentang pendapatan. Terdapat perbezaan pendapatan sekiranya mereka memilih untuk bekerja sendiri dengan bekerja makan gaji. Perbezaan tersebut akan dilihat berdasarkan kekuatan hubungan pembolehubah bebas seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja,

kemahiran pekerja serta tingkat usaha individu terhadap tingkat pendapatan atau keuntungan iaitu pembolehubah bersandar bagi kedua-dua golongan ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Berhadapan dengan dunia yang semakin mencabar serta taraf hidup yang semakin meningkat ini, golongan yang berpendapatan rendah mahupun berpendapatan tinggi turut merasainya. Hal ini telah menimbulkan pandangan yang berbeza-beza terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara ini. Bebanan yang ditanggung oleh masyarakat akibat daripada krisis makanan serta krisis kenaikan harga minyak yang mendadak pada tahun lepas telah mendatangkan masalah kepada sesetengah individu terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun pihak kerajaan telah mengambil tindakan meningkatkan harga minyak serta menarik semula subsidi yang telah diberikan, serta memperuntukkan sebanyak RM 40 billion terhadap bekalan makanan, masyarakat tetap melihat tindakan meningkatkan harga minyak merupakan suatu bebanan, lebih-lebih lagi bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Sehubungan itu, keselesaan serta kebajikan masyarakat atau rakyat turut diberi penekanan dan perhatian oleh pihak kerajaan. Maka, tidak rugilah selama ini pihak kerajaan menekankan kepada rakyat terutamanya golongan siswazah supaya bergiat aktif atau menceburi bidang perniagaan ataupun Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS) memandangkan peluang serta kemudahan pinjaman yang semakin terbuka luas dapat membantu perusahaan kecil yang ingin memulakan perniagaan mereka.

Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian ini iaitu untuk mencapai objektif secara khusus. Kajian ini mengkaji atau menganalisis faktor yang mempengaruhi tingkat perbezaan pendapatan antara golongan yang berpendapatan tetap dengan golongan yang bekerja sendiri atau golongan usahawan. Sejauh manakah pembolehubah-

pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha seseorang individu itu dalam mempengaruhi pendapatan serta keuntungan antara dua golongan utama tersebut.

Tingkat perbezaan tersebut dapat memberi impak yang begitu ketara. Maka dengan itu, masyarakat harus bijak memilih kerjaya mereka dengan melihat potensi antara dua bidang pilihan kerjaya ini dalam menikmati taraf hidup yang lebih selesa. Kajian ini dijalankan berikutan masalah yang dihadapi oleh penganggur terutamanya dikalangan siswazah kerana kesukaran mencari pekerjaan walaupun memiliki segulung ijazah. Sekiranya masyarakat pada hari ini mempunyai kemahiran serta ilmu dalam perniagaan, maka masalah ini dapat diatasi sekaligus mengelakkan pergantungan terhadap pencarian pekerjaan tetap.

Tambahan lagi sistem yang dipraktikkan di negara ini dalam penempatan jawatan buruh, tidak mengambil kira kelulusan akademik semata-mata. Nilai ditambah dalam diri seseorang individu seperti kemahiran komunikasi, berketrampilan diri, bekerja dalam kumpulan dan banyak lagi faktor yang diambil kira bagi memenuhi kehendak firma terutamanya di firma swasta. Maka tidak hairanlah apabila seseorang yang mempunyai keputusan yang cemerlang dalam akademik tetapi masih sukar mendapat pekerjaan adalah disebabkan gagal untuk berkomunikasi dengan baik. Begitu juga apabila individu yang memilih kerjaya sebagai seorang usahawan atau pengusaha sesuatu barangan atau produk, perlu menitikberatkan nilai ditambah, disamping pendidikan yang dimiliki dengan sedikit pengalaman berniaga bagi memastikan keuntungan yang tinggi dalam perniagaan mereka.

Pengalaman dalam bidang perniagaan yang diceburi juga merupakan faktor penting dalam menentukan keuntungan yang diperolehi bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung. Justeru itu, golongan ini harus berani menghadapi risiko kerugian kerana perniagaan bergantung kepada permintaan terhadap barangan serta keadaan ekonomi semasa negara. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah berdasarkan pemerhatian

terhadap situasi yang berlaku di negara ini apabila statistik jumlah orang yang bekerja sendiri telah meningkat pada tahun 2007. Jumlah orang yang bekerja sendiri telah meningkat dalam tempoh tiga tahun iaitu dari 1,645,400 orang pada tahun 2004 kepada 1,831,500 orang pada tahun 2007, (Jabatan Perangkaan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2007). Begitu juga dengan bilangan pekerja turut mengalami peningkatan iaitu daripada 7,429,700 pada tahun 2004 kepada 7,824,000 pada tahun 2007.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan di beberapa di sekitar daerah Kuala Terengganu. Bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada dua golongan utama iaitu individu yang berpendapatan tetap dan golongan iaitu bekerja sendiri atau usahawan. Bekerja sendiri pula akan diberi tumpuan kepada individu yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan atau secara besar-besaran sahaja. Seramai 50 orang individu atau responden yang mewakili setiap golongan yang telah ditentukan pada awal kajian. Selain itu, data sekunder seperti jurnal, artikal, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik turut diperlukan sebagai menyokong kenyataan dalam kajian yang dijalankan ini.

Pengukur kepada status sosioekonomi komuniti setempat yang diambilkira dalam kajian ini adalah seperti tahap pendidikan, bilangan tanggungan ahli keluarga, pekerjaan, pendapatan dan kepuasan dengan pendapatan yang dimiliki oleh masyarakat. Bagi mencapai objektif kajian, model analisis regresi berbilang iaitu salah satu kaedah ekonometrik menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Social*' (SPSS) akan digunakan agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian akhir dengan melihat

hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar yang dipilih dan sumbangannya kepada tingkat pendapatan atau keuntungan. Selain itu, terdapat kaedah analisis lain yang digunakan untuk menentukan pembolehubah utama yang menjadi indikator kewujudan perbezaan tingkat pendapatan antara golongan yang berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri/usahawan. Antaranya ialah analisis deskriptif yang akan ditunjukkan dalam bentuk peratusan serta membuat perbandingan antara dua golongan utama tersebut.

1.9 ORGANISASI PENULISAN

Penulisan kertas projek ini akan diorganisasikan di dalam lima bab utama iaitu:

Bab 1 membincangkan mengenai senario guna tenaga serta masalah-masalah yang berlaku sejak kebelakangan ini. Di samping itu, persoalan kajian akan dikupas dan objektif diketengahkan untuk melancarkan perjalanan kajian. Selain itu, skop dan metodologi kajian juga diterangkan dengan jelas dalam bab ini.

Bab 2 pula merujuk kepada penerangan tajuk kajian. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan. Selain itu, tinjauan terhadap faktor pemilihan pekerjaan dibuat dan melihat sejauh mana perbezaan tingkat pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan bekerja sendiri/usahawan dapat mempengaruhi aktiviti sosial masyarakat tersebut.

Bab 3 akan menerangkan metodologi kajian dan teori yang digunapakai dalam kajian serta boleh digunakan untuk menganalisis faktor yang mempengaruhi perbezaan tingkat pendapatan. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah ekonometrik iaitu menggunakan model regresi berbilang dan output data diperoleh menggunakan perisian '*Statistical Package For The School Social*' (SPSS). Di samping itu, pelbagai ujian

terhadap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar akan dijalankan. Model yang akan digunakan dalam kajian ini secara menyeluruh juga akan dijelaskan. Bab ini juga merangkumi jenis sumber data yang digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini di mana turut melibatkan penggunaan reka bentuk kajian beserta instrumen kajian yang sewajarnya.

Bab 4 pula merujuk kepada penganalisan hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan dihuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual. Beberapa intepretasi hasil dari keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bahagian ini.

Bab 5 merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Bab ini akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan polisi, dasar dan cadangan berdasarkan kepada kajian ini agar dapat mencari jalan penyelesaian dalam pemilihan pekerjaan yang dapat mendatangkan faedah serta jaminan kepada masyarakat serta individu terutamanya dalam dunia globalisasi yang mencabar dalam mencari serta memilih kerjaya yang selaras dengan tuntutan pasaran.

BAB 2

FAKTOR PERBEZAAN TINGKAT PENDAPATAN MENGIKUT TARAF GUNA TENAGA UTAMA

2.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan mengenai beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian ini iaitu Faktor yang Mempengaruhi Perbezaan Pendapatan Antara Golongan Berpendapatan Tetap dengan Golongan yang Bekerja Sendiri atau Usahawan. Perbincangan serta ulasan-ulasan kajian terdahulu yang akan dibincangkan dengan mendalam mengenai kajian yang akan dijalankan. Bab ini juga turut membincangkan senario semasa yang berlaku dimana pembolehubah-pembolehubah yang telah dipilih oleh pengkaji akan dikaitkan dengan keadaan di Malaysia secara umumnya dan Kuala Terengganu amnya berdasarkan kajian-kajian terdahulu berkenaan tajuk yang telah dikupas seawal kajian ini. Kajian ini juga akan mengenalpasti faktor-faktor yang signifikan mempengaruhi perbezaan pendapatan dua golongan utama.

2.1 ULASAN KARYA

2.1.1 Kajian kes 1

Ulasan ini dibuat daripada jurnal yang berkaitan dengan perbezaan tingkat pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri serta faktor-faktor yang mempengaruhi pendapatan antara dua golongan tersebut. Jurnal yang pertama adalah berkaitan teori perbandingan pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri. Jurnal yang ditulis oleh Daiji Kawaguchi (2003) dari Institut Penyelidikan Ekonomi Dan Sosial, Universiti Osaka yang bertajuk 'Modal Insan Antara Golongan Bekerja Sendiri dengan Golongan Berpendapatan Tetap'. Penulis juga telah banyak mengemukakan teori-teori daripada kajian lepas seperti Lazaer (1979), yang telah mendapati bahawa tingkat upah antara pekerja makan gaji berdasarkan kepada teori perjanjian.

Dalam laporan tersebut, Lazaer juga mengatakan ia adalah optimal untuk majikan membayar pekerja dengan bayaran lebih tinggi berbanding keluaran sut (MP) pekerja, bagi pekerja muda dan lebih daripada MP apabila mereka tua bagi menggalakkan pekerja supaya tidak mengelak daripada tanggungjawab. Selain itu, modal insan juga mengukur kadar tingkat upah berdasarkan pengalaman bekerja yang dimiliki oleh seseorang individu itu. Ini jelas dilihat apabila situasi ini turut berlaku di negara kita pada hari ini bahawa sesetengah majikan lebih mementingkan pengalaman pekerja berbanding kelulusan akademik mereka. Ini berlaku pada sesetengah syarikat swasta terutamanya jawatan profesional seperti akauntan, juruaudit, pegawai eksekutif, pegawai pemasaran dan sebagainya. Iklan-iklan jawatan kosong yang dibuka di surat-surat khabar serta di media elektronik jelas menunjukkan syarat kelayakan adalah berdasarkan pengalaman yang dimiliki. Sesetengah firma beranggapan bahawa seseorang yang mempunyai pengalaman boleh menjalankan tugas dengan baik berdasarkan pengalaman yang dimiliki tersebut, maka firma tersebut tidak perlu melatih semula pekerja.

Namun, memandangkan tiada pengujian secara langsung dalam teori perjanjian Lazaer ini, maka penulis sekali lagi telah mengemukakan satu teori kajian lepas oleh Lazaer & Moore (1984), yang telah membandingkan tingkat pendapatan antara pekerja makan gaji dengan bekerja sendiri dan telah berpendapat bahawa oleh kerana bekerja sendiri tidak ada insentif untuk menipu dalam pekerjaan, maka tingkat upah mereka menyumbang kepada modal insan iaitu sikap yang jujur serta dapat menjalankan tanggungjawab yang telah diberikan dengan sebaiknya. Dengan andaian modal insan antara pekerja yang makan gaji dan bekerja sendiri telah dikenalpasti, maka teori perjanjian telah menjelaskan perbezaan tingkat upah antara pekerja makan gaji dengan bekerja sendiri.

Berdasarkan satu lagi kajian oleh Salop & Salop (1976), mendapati bahawa bekerja sendiri mempunyai tingkat upah yang lebih tinggi berbanding pekerja makan gaji. Oleh kerana teori Salop & Salop telah mengemukakan jangkaan yang sama tentang perbezaan pekerja makan gaji dan bekerja sendiri, penulis tidak dapat membezakan antara kedua-dua teori tersebut dengan hanya melihat dua jenis tingkat upah. Javanovic (1979), yang telah mengemukakan satu teori beliau iaitu apabila sesetengah pekerja menyedari bahawa pekerjaan mereka itu tidak sesuai, maka dengan itu mereka akan berhenti daripada pekerjaan tersebut. Dengan itu tingkat upah akan meningkat kepada mereka yang masih bekerja. Kajian ini juga telah memperlihatkan bahawa teori Lazear, Salop & Salop serta Javonic's dapat menerangkan pendapatan individu yang bekerja sendiri lebih tinggi jika dibandingkan dengan individu yang makan gaji. Selain itu, menurut Dunn & Holtz-Eakin (2000) dalam kajian beliau telah menekankan kepentingan pemindahan modal insan antara generasi berbanding sekatan kecairan untuk menjelaskan penemuan ini.

Mereka juga telah mendapati bahawa keluarga yang mempunyai status bekerja sendiri mempunyai kesan yang begitu besar kepada anak mereka untuk turut bekerja sendiri. Mereka mendapati lagi bahawa anak yang mempunyai keluarga yang berjaya dalam pekerjaan sendiri, akan turut memilih untuk bekerja sendiri. Berdasarkan penemuan ini, mereka juga telah menyimpulkan bahawa modal insan merupakan saluran yang penting untuk menjelaskan hubungan status bekerja sendiri. Situasi ini jelas kelihatan di negara kita pada hari ini kerana menurut statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2004, jelas menunjukkan jumlah penduduk bekerja mengikut taraf pekerja keluarga tanpa gaji iaitu seramai 508,100 orang dan telah meningkat pada tiga tahun berikutnya iaitu kepada 520,100 orang pada tahun 2007.

Penulis telah mengemukakan satu model yang dapat menjangkakan kenaikan pendapatan mengikut (tempoh pemegangan jawatan) antara individu makan gaji dan individu bekerja sendiri hanya bergantung kepada teori modal insan. Dua aspek yang membezakan antara individu bekerja sendiri dengan individu makan gaji telah diambil kira, pertamanya ialah perbandingan variasi pendapatan dengan pengalaman oleh individu makan gaji, kedua iaitu pulangan modal insan yang tinggi berbanding individu makan gaji. Kedua-dua ciri ini ditentukan dengan keenganan risiko, keputusan pelaburan modal insan pekerja yang optimum. Dibawah andaian pengeluaran modal insan, pekerja yang mempunyai modal insan yang tinggi kurang melabur dalam modal insan terhadap pekerjaan mereka. Oleh itu, individu bekerja sendiri yang mempunyai modal insan yang tinggi cenderung mempunyai tingkat upah yang lebih tinggi berbanding untuk bekerja makan gaji kerana mereka mempunyai modal insan yang rendah terhadap pekerjaan mereka.

Beberapa ciri yang telah diperhatikan dalam kajian ini dan mendapati bahawa pekerja yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi akan memilih untuk bekerja sendiri. Bukti tersebut merupakan satu fakta yang boleh diterima kerana menurut kajian penulis, apabila seseorang memiliki ayah yang bekerja sendiri, maka mereka juga cenderung untuk bekerja sendiri. Dibawah andaian penulis juga beliau telah mendapati bahawa

tingkat upah bekerja sendiri lebih mudah menyerap modal insan berbanding pekerja makan gaji atau berpendapatan tetap.

2.1.2 Kajian kes 2

Jurnal yang kedua, bertajuk 'Modal Insan Ke atas Pertumbuhan China' yang merupakan satu rumusan serta penemuan baru oleh Wei Chi (2007). Dalam kajian ini, beliau telah menentukan pelaburan modal fizikal pekerja yang mempunyai pendidikan kolej memainkan peranan yang penting berbanding seseorang yang mempunyai tahap pendidikan rendah dan menengah dengan mencadangkan kemungkinan kemahiran harus seiring dengan taraf pendidikan yang dimiliki oleh pekerja tersebut. Situasi yang sama berlaku di Malaysia dimana kerajaan telah menggariskan pembangunan Modal Insan yang berpengetahuan, mahir dan inovatif sebagai satu daripada teras utama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bertujuan meningkatkan rantaian nilai ekonomi dan mengubahnya kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Dengan ini, kerajaan sedar bahawa seseorang individu yang berpengetahuan itu perlu juga mempunyai kemahiran bagi meningkatkan produktiviti kerja mereka seiring dengan peranan institusi pendidikan tinggi dalam memberikan pendidikan yang cemerlang iaitu dengan mengadakan pelbagai program di peringkat universiti dengan kerjasama yang lebih kukuh dan sokongan aktif daripada pihak industri dan persatuan majikan bagi membolehkan guna tenaga pada masa kini melengkap diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran. Antaranya ialah pelajar akan diberikan pendedahan awal kepada persekitaran tempat kerja melalui program 'internship' dan sangkutan berstruktur bagi tempoh minimum empat bulan.

Kajian lepas oleh Arayama & Miyoshi, (2004); Chow, (1993); International Energy Agency,(2005); Yusuf, (1994) telah mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi China telah mengambil kira tentang intensif buruh, yang bercirikan pelaburan modal dan penggunaan tenaga tetap dan tinggi. Manakala satu kajian oleh Aghion & Homitt, (1998); Lucas, (1988); Nelson & Phelps, (1996); Romer, (1990) menyatakan bahawa bentuk pertumbuhan tersebut mempunyai batasan dan alternatifnya, pertumbuhan telah didorong oleh modal insan yang berpotensi untuk teguh dan terus kekal akan menyebabkan peningkatan dalam produktiviti dan inovasi teknologi. Selain intensif buruh, China mencapai pertumbuhan ekonomi yang pantas namun masih berada pada kadar pertumbuhan yang berbeza mengikut kawasan yang berbeza. Perbezaan ini juga mungkin disebabkan oleh perbezaan semulajadi di sesuatu kawasan, dasar kerajaan dan pelaburan modal yang tetap, iaitu termasuklah pelaburan asing langsung. Tahap perbezaan modal insan setiap kawasan juga menjadi penyumbang utama ketidaksamaan pembangunan ini.

Dengan menggunakan data bagi setiap negeri dari tahun 1996 hingga 2004, hasil penulis telah mendapati bahawa kesan modal, saiz, dan pelaburan modal tetap memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi. Selain itu, kajian ini akan menemukan bukti yang memberi tumpuan kepada kadar pertumbuhan setiap kawasan dengan mengambil kira modal insan dan modal fizikal. Analisis penulis yang lebih lanjut telah menunjukkan pelaburan aset tetap sebagai pembolehubah bersandar iaitu 84 peratus variasi dalam pelaburan aset tetap antara daerah mungkin dapat diterangkan oleh stok bekalan modal insan dan tingkat kekayaan bagi sesuatu kawasan atau daerah. Tambahan lagi, pendidikan kolej atau tahap pendidikan yang lebih tinggi merupakan penentuan yang penting untuk membuat keputusan pelaburan modal fizikal, berbanding tahap pendidikan rendah dan menengah. Namun begitu, kesan pelaburan modal tetap ke atas kadar pertumbuhan adalah tidak kekal lama.

Penemuan baru penulis dalam kajian ini mempunyai dua kesan penting iaitu, modal insan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi China dalam beberapa tahun yang dikaji dan peranan tersebut mungkin secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pelaburan modal fizikal. Penemuan kedua, ketidaksamaan pertumbuhan antara kawasan di China mungkin meningkat pada masa hadapan disebabkan kawasan timur mempunyai pekerja yang memiliki pendidikan kolej yang agak tinggi. Secara umumnya telah mendapati bahawa pelaburan modal fizikal merupakan penggerak utama dan kadar pertumbuhan yang berbeza mengikut kawasan digabungkan setelah mengambil kira perbezaan jumlah pelaburan modal fizikal. Modal insan merupakan kunci untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan telah ditumpukan pada penemuan bukti empirikal tentang peranan modal insan dalam pembangunan ekonomi China.

2.1.3 Kajian kes 3

Jurnal yang terakhir ini ditulis oleh Dennis Tao Yang & Mark Yuying An (2002) yang bertajuk 'Modal Insan Pendapatan Petani dan Usahawan' yang telah memformulasikan model keuntungan maksimum dimana modal insan dapat meningkatkan kecekapan melalui kedua-dua iaitu antara kesan dan pengagihan antara sektor terhadap input tetap. Model tersebut telah dianggarkan menggunakan data isi rumah orang China yang mengandungi maklumat yang lengkap mengenai aktiviti pengeluaran. Penemuan telah mendapati bahawa persekolahan dan kemahiran setelah menggunakan input penawaran isi rumah, telah mendapati sebanyak 27 peratus jumlah daripada faktor tersebut telah menyumbang kepada pendapatan isi rumah tersebut.

Di Malaysia, guna tenaga yang terlatih sememangnya amat diperlukan memandangkan kebanyakan industri menggunakan kelebihan kemajuan teknologi, sistem pengurusan dan kaedah pengeluaran baru bagi meningkatkan daya saing diperingkat pasaran global

selain dapat menarik pelaburan langsung asing dan menggalakkan pelaburan semula negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, keupayaan dan kecekapan sistem penyampaian latihan akan diperkukuh menerusi peningkatan kapasiti institusi latihan awam, penambahan penawaran kursus di peringkat tinggi, pengukuhan jaminan kualiti dan penyertaan lebih besar sektor swasta.

Penemuan juga telah mendapati bahawa penduduk luar bandar juga terlibat dengan aktiviti makan gaji atau bekerja sendiri seperti pemprosesan, pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan perkhidmatan yang telah disokong oleh kajian lepas oleh Jamison & Lau, (1982), Schultz (1988); Phillips, (1994) yang berpendapat bahawa terdapat kesan modal insan ke atas isi rumah di kawasan luar bandar. Modal insan juga mampu meningkatkan kemahiran teknikal peladang dan keupayaan pengurusan penggunaan input. Namun begitu, kajian tersebut telah mengabaikan peranan persekolahan dan pengalaman bekerja dalam pengagihan faktor, walaupun bukti bahawa modal insan akan meningkatkan kecekapan sama ada dalam aktiviti pertanian atau bukan pertanian. Aktiviti bukan pertanian di kawasan luar bandar, telah membuktikan bahawa persekolahan memberi kesan dalam tingkat upah atau gaji bagi golongan bekerja sendiri. Bilangan tahun belajar juga telah memberi respon yang tinggi kepada pulangan ke atas pendidikan dalam sektor bukan perladangan melalui pengagihan semula ke atas modal pelaburan.

Penulis telah memformulasikan dua rangka kerja keuntungan isi rumah yang maksimum dalam modal insan yang mungkin dapat meningkatkan keuntungan antara sektor melalui pembelian input dan kesan produktiviti pekerja. Selain itu juga penulis ingin mengenalpasti pengagihan faktor tetap kuasi antara sektor iaitu merupakan perkara paling utama dalam kajian ini. Penulis juga telah memperkenalkan strategi dalam kajiannya untuk menghuraikan sumber pulangan modal insan tersebut melalui pengukuran tiga fungsi keuntungan iaitu, satu tingkat keuntungan agregat keluarga dan dua persamaan keuntungan sektor yang spesifik bergantung kepada syarat pengagihan input tetap kuasi. Satu bentuk model telah digunakan untuk menganalisis bukti

empirikal iaitu data rentas masa oleh isi rumah bagi peladang orang China. Hasil empirikal penulis telah mendapati bahawa persekolahan dapat meningkatkan keuntungan pertanian dan bukan aktiviti pertanian iaitu lebih kurang 14 peratus daripada jumlah pulangan meningkat daripada pemilihan aktiviti melalui pengagihan penawaran input isi rumah. Selain itu, pengalaman juga turut menyumbang kepada keluaran pertanian dan agihan input.

Berdasarkan data rentas masa bagi peladang China, keputusan empirikal penulis telah mendapati bahawa persekolahan serta pengalaman memberi kesan yang begitu ketara kepada pendapatan penduduk luar bandar. Sementara itu, persekolahan dan pengalaman juga dapat meningkatkan keuntungan pertanian dan bukan pertanian, dan pencapaian modal insan ini mampu meningkatkan pengagihan faktor antara sektor dimana, setelah menjalani ujian sensitiviti mendapati bahawa sebanyak 27.2 peratus sumbangannya daripada jumlah pulangan yang diperolehi.

Kesimpulannya, berdasarkan kepada ulasan kajian-kajian terdahulu serta yang terkini, telah mendapati bahawa jelas terdapat perbezaan pendapatan golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri dimana perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh faktor-faktor modal insan yang dimiliki oleh seseorang individu seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja serta kemahiran terhadap bidang kerja pekerja. Faktor-faktor modal insan yang dinyatakan jelas dapat dibuktikan secara empirikal oleh sesetengah penyelidik terdahulu, dimana keputusan tersebut dapat menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk dalam bab 1. Maka dengan itu, kajian yang lebih lanjut akan dijalankan dalam bab yang seterusnya terhadap aplikasi situasi di sekitar Kuala Terengganu seperti yang telah dipilih seawal bab kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan mengenai sumber data dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Data yang akan digunakan adalah data primer yang merupakan data yang amat penting bagi mencapai objektif umum kajian yang ingin dijalankan . Selain itu, data sekunder yang diterbitkan oleh kerajaan serta sumber-sumber dari media cetak serta elektronik juga diperlukan sebagai sokongan kenyataan kajian. Analisis yang digunakan pula ialah Analisis Regresi Berbilang, Analisis Deskriptif dan Analisis Penyebab. Analisis Penyebab merupakan analisis yang utama digunakan dalam kajian ini bagi mengenal pasti hubung kait antara faktor pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja dan tingkat usaha terhadap tingkat pendapatan bagi kedua-dua golongan iaitu golongan berpendapatan tetap serta golongan bekerja sendiri/usahawan.

3.1 SUMBER DATA

3.1.1 Data Primer

Data primer merupakan sumber data yang amat penting dalam kajian yang ingin dijalankan ini kerana melalui data tersebut, analisis yang ingin dibuat akan lebih mudah dan cepat. Data primer yang digunakan dalam kajian ini adalah pembentukan soal selidik untuk mengumpulkan data pendapatan bulanan bagi kedua-dua kumpulan responden utama iaitu golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan dengan lebih cepat serta hasil keputusan analisis juga adalah tepat. Selain itu, segala maklumat sampingan juga boleh diperolehi melalui soal selidik sebagai sokongan serta pembentukan dasar berkaitan oleh kerajaan.

Kajian ini menggunakan sampel sebanyak 100 responden. Teknik sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis sampel bukan kebarangkalian. Beberapa ciri telah dikenalpasti dan kuota telah ditetapkan untuk mengenalpasti responden iaitu terdiri daripada dua golongan utama, golongan usahawan atau bekerja sendiri, tidak termasuk nelayan, petani dan lain-lain aktiviti manakala golongan kedua ialah golongan berpendapatan tetap. Persampelan telah dilakukan secara rawak di beberapa kawasan yang berlainan di sekitar daerah Kuala Terengganu. Pengumpulan data dan soal selidik menggunakan temubual berstruktur secara bersemuka dengan responden.

3.1.2 Pembentukan Soal Selidik

Pembentukan soal selidik telah dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A ialah latar belakang responden yang meliputi jantina, umur, pendapatan bulanan, bilangan isi rumah dan taraf pendidikan. Manakala bahagian B pula maklumat pekerjaan mengikut bidang keutamaan responden yang merupakan bahagian terpenting dalam kajian ini bagi mengenalpasti serta mendapatkan maklumat yang tepat tentang faktor yang

mempengaruhi tingkat pendapatan responden. Bahagian ini juga adalah berbeza mengikut jenis pekerjaan responden iaitu terdiri daripada golongan pekerja berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri. Bahagian C pula merupakan bahagian respon responden terhadap pekerjaan yang dipilih. Tujuan soal selidik ini adalah untuk mencapai objektif umum iaitu ingin mengenalpasti faktor mempengaruhi pembezaan tingkat pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan.

Kelebihan soal selidik ini ialah kecenderungan untuk mendapatkan segala maklumat yang lengkap dan diperlukan adalah tinggi. Selain itu, maklumat yang ingin diperolehi juga adalah tepat kerana responden akan menjawab kesemua bahagian soal selidik tersebut. Penyelidik juga boleh menjalankan soalan susulan atau mengulangi soalan kepada responden sekiranya soalan yang ditanya adalah kabur dan sukar difahami oleh responden. Melalui teknik pengumpulan data ini juga, penyelidik dapat meningkatkan penyertaan responden, dengan itu maklumat yang diperlukan juga adalah lebih tepat.

3.1.3 Data Sekunder

Data sekunder merujuk kepada data-data yang telah diterbitkan. Data-data yang diperolehi bagi tujuan kajian ini adalah melalui buku-buku perangkaan kerajaan serta internet. Antaranya, data tentang perangkaan penting ekonomi iaitu guna tenaga mengikut status bekerja di Malaysia, data taburan jumlah orang bekerja mengikut kumpulan industri iaitu terutamanya di sektor perniagaan dari penyiasatan tenaga buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia. Selain itu juga data peratus penduduk yang bekerja mengikut taraf guna tenaga juga diperlukan. Di samping itu, data pencari kerja berdaftar bagi kekosongan jawatan serta penempatan turut diperolehi daripada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia manakala bagi kekosongan jawatan serta

penempatan mengikut kumpulan pekerjaan serta industri juga diperolehi melalui laman web Jabatan Perangkaan Malaysia.

Data guna tenaga di Malaysia dan di Negeri Terengganu juga diperlukan dan diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu dan Kementerian Sumber Manusia daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Data sekunder yang lain seperti jumlah enrolmen di Institusi Awam Tempatan yang diperolehi daripada Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-8, yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

3.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan Analisis Regresi Berbilang iaitu satu analisis yang mengkaji tentang hubung kait beberapa pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja dan tingkat usaha terhadap pendapatan atau keuntungan bagi kedua-dua golongan iaitu berpendapatan tetap dan bekerja sendiri/usahawan dengan menjalankan.

Selain itu juga, kajian ini turut menggunakan Analisis Deskriptif iaitu merupakan analisis yang akan menerangkan ciri-ciri populasi atau taburan sampel dan hasil dapatan akan dihuraikan dalam bentuk peratusan atau purata. Dalam kajian ini juga menggunakan Analisis Penyebab bagi mengenalpasti pertalian kesan dan akibat dengan menggunakan beberapa ujian statistik dan antara ujian tersebut ialah pengujian-t, dan pengujian-F-test dimana kesemua ujian ini dapat menganggar hipotesis yang ingin dikaji. Pengujian-t ialah ujian yang ingin melihat hubungan setiap pembolehubah tidak bersandar terhadap tingkat pendapatan atau keuntungan manakala pengujian-F pula melihat hubungan kesemua pembolehubah tidak bersandar terhadap tingkat pendapatan atau keuntungan.

3.2.1 Analisis Regresi Berbilang

Analisis ini menggunakan pembolehubah tidak bersandar yang berbilang dalam membentuk model kajian untuk mendapatkan keputusan analisis yang dikehendaki. Pembolehubah tidak bersandar telah dikenalpasti seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha mengikut jenis pekerjaan masing-masing, manakala pembolehubah bersandar ialah tingkat pendapatan atau keuntungan bagi golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan. Model Regresi Berbilang telah dibentuk seperti dibawah:

Golongan berpendapatan tetap:

$$TP = \beta_0 + \beta_1 EXP_1 + \beta_2 EDU + \beta_3 SKILL + \beta_4 EFD_1 + e$$

Golongan bekerja sendiri/usahawan:

$$TP = \beta_0 + \beta_1 EXP_2 + \beta_2 EDU + \beta_3 SKILL + \beta_4 EFD_2 + e$$

Dimana;

TP = tingkat pendapatan (RM)

EXP₁ = pengalaman bekerja (tahun)

EXP₂ = pengalaman berniaga (tahun)

EDU = taraf pendidikan

SKILL = kemahiran pekerja (kursus/seminar)

EFD₁ = tingkat usaha (anugerah)

EFD₂ = tingkat usaha (waktu operasi perniagaan)

e = ralat (faktor – faktor lain)

3.2.2 Pembentukan Hipotesis

Sebelum analisis dilakukan, hipotesis telah dibentuk bagi melihat sama ada hipotesis yang dibentuk adalah benar berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi. Berdasarkan kepada keputusan kajian juga, pengkaji dapat membuat keputusan sama ada menolak hipotesis null (H_0) ataupun gagal menolak hipotesis null. Hipotesis yang dibentuk dibawah adalah bagi menjalankan pengujian-t bagi kedua-dua golongan iaitu golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan:

a) Taraf pendidikan

H_0 : Taraf pendidikan tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a1} : Taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_0 : Taraf pendidikan tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a1} : Taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

b) Pengalaman

H_0 : Pengalaman bekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a2} : Pengalaman bekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_0 : Pengalaman berniaga tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a2} : Pengalaman berniaga mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

c) Tingkat usaha

H_0 : Tingkat usaha (anugerah) tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a3} : Tingkat usaha (anugerah) mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_0 : Tingkat usaha (waktu operasi) tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a3} : Tingkat usaha (waktu operasi) mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

d) Kemahiran pekerja(kursus/seminar)

H_0 : Kemahiran pekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a4} : Kemahiran pekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_0 : Kemahiran pekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a4} : Kemahiran pekerja mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

Hipotesis dibawah dibentuk adalah bagi pengujian-F bagi kedua-dua golongan iaitu:

H_0 :Tingkat pendapatan tidak dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

H_1 : Tingkat pendapatan dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

H_0 :Tingkat keuntungan tidak dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

H_1 : Tingkat keuntungan dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

3.2.3 Analisis Deskriptif

Analisis ini digunakan untuk menerangkan gelagat dan ciri-ciri setiap kumpulan responden, sebagai contoh pendapatan atau keuntungan bulanan, taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan kemudiannya hasil yang diperolehi daripada analisis adalah dalam bentuk peratusan ataupun purata.

3.2.2 Analisis Penyebab

Analisis ini merupakan analisis yang utama dalam kajian ini kerana ingin mengenalpasti pertalian kesan dan akibat antara pembolehubah bersandar iaitu tingkat pendapatan antara dua golongan iaitu golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri/usahawan melalui pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha. Analisis ini juga akan menggunakan ujian-ujian yang sesuai seperti pengujian-t, pengujian-F dan ujian bagi mendapatkan kesahihan serta hasil dapatan yang lebih tepat dan persis pada aras keyakinan yang telah diandaikan dalam analisis tersebut. Dalam analisis ini juga, kekuatan hubungan antara dua pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha dapat ditunjukkan dan dapat disimpulkan berdasarkan hasil keputusan yang telah dianalisis.

Secara keseluruhannya, pendekatan serta metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan analisis yang ingin dijalankan bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1. Pembentukan model juga akan menerangkan dengan jelas kekuatan hubungan pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar serta keputusan kajian dengan tepat berdasarkan data primer yang telah dikutip oleh pengkaji.

BAB 4

ANALISIS HASIL KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN


Bab ini akan membincangkan hasil daripada kajian yang telah dijalankan menggunakan beberapa analisis penyebab dengan menggunakan model regresi berbilang untuk menjalankan pengujian-t statistik dan pengujian-F statistik seperti yang telah dinyatakan dalam bab 3. Terdapat dua analisis yang telah digunakan iaitu analisis penyebab dan analisis deskriptif bagi menjawab semua persoalan-persoalan kajian. Segala persoalan-persoalan yang telah dikemukakan dapat dijawab dengan analisis yang digunakan tersebut terutamanya dalam analisis penyebab kerana analisis ini adalah bertujuan mengkaji sejauh mana pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja, kemahiran pekerja serta tingkat usaha bagi kedua-dua golongan sama ada berpendapatan tetap mahupun bekerja sendiri dapat mempengaruhi tingkat pendapatan atau keuntungan mereka.

4.1 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif adalah bertujuan melihat peratusan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar yang telah dipilih seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja (kursus), pengalaman bekerja/berniaga serta tingkat usaha (anugerah) untuk golongan berpendapatan tetap manakala bagi golongan bekerja sendiri adalah berdasarkan kepada waktu operasi perniagaan bagi melihat hubungan dengan tingkat pendapatan/keuntungan. Hasil analisis tersebut telah dipersembahkan dalam bentuk rajah serta carta bagi setiap golongan iaitu golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan bagi memudahkan analisis ini dilakukan. Hasil keputusan analisis adalah seperti dibawah:


4.1.1 Analisis Deskriptif Golongan Berpendapatan Tetap

Rajah 4.1 Taraf Pendidikan Golongan Berpendapatan Tetap



Berdasarkan kepada rajah 4.1 diatas, menunjukkan peratusan taraf pendidikan golongan berpendapatan tetap mengikut peringkat pendidikan yang berbeza. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, mendapati bahawa taburan responden yang mempunyai taraf pendidikan SPM adalah paling tinggi iaitu sebanyak 40 peratus daripada 50 orang responden yang telah diambil. Bagi taraf diploma/STPM pula, iaitu sebanyak 32 peratus, manakala bagi pendidikan ijazah dan PMR pula masing-masing mencatat sebanyak 24 peratus dan 4 peratus. Berdasarkan hasil keputusan juga, perbezaan antara taraf pendidikan SPM dengan diploma/STPM adalah sebanyak 8 peratus dan perbezaan antara taraf pendidikan ijazah dengan diploma/STPM juga adalah sebanyak 8 peratus. Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahawa golongan berpendapatan tetap di Kuala Terengganu adalah terdiri daripada golongan yang memiliki pendidikan tinggi berdasarkan kepada hasil keputusan yang diperolehi.

Rajah 4.2 Peratusan Taraf Kelayakan Responden Diterima Bekerja Berbanding Taraf Kelayakan Sebenar.




Berdasarkan rajah 4.2 pula, menunjukkan taraf kelayakan golongan berpendapatan tetap diterima bekerja berbanding taraf kelayakan sebenar. Ini jelas menunjukkan juga, rata-rata responden diterima bekerja diterima bekerja hanya berdasarkan kepada taraf SPM kerana mencatat peratusan paling tinggi iaitu sebanyak 62 peratus, diikuti taraf ijazah sebanyak 18 peratus, manakala bagi diploma dan STPM adalah sebanyak 12 peratus dan PMR mencatat peratusan terendah iaitu sebanyak 8 peratus.

Seperti yang telah dijelaskan dalam rajah 4.1, golongan berpendapatan tetap yang mempunyai pendidikan SPM telah mencatat peratusan tertinggi diikuti dengan taraf diploma dan STPM, namun berdasarkan hasil keputusan yang diperolehi dalam rajah 4.2, peratusan golongan yang memiliki diploma dan STPM diterima bekerja mengikut taraf sebenar telah mencatat jumlah yang lebih rendah berbanding ijazah. Ini dapat dibuktikan apabila taraf diploma dan STPM diterima bekerja mengikut kelayakan sebenar hanya sebanyak 12 peratus berbanding 18 peratus bagi ijazah


Ini bermakna, walaupun terdapat ramai responden yang terdiri daripada pemilik diploma dan STPM berbanding ijazah, namun mereka diterima bekerja tidak mengikut taraf sebenar yang mereka miliki. Berdasarkan keputusan bagi taraf ijazah pula, daripada 50 responden yang telah ditemubual, mendapati sejumlah 12 orang responden yang memiliki taraf ijazah dan daripada jumlah tersebut, seramai 9 orang sahaja yang telah diterima bekerja mengikut kelayakan sebenar dan ini telah ditunjukkan pada rajah 4.2 iaitu sebanyak 18 peratus.

Rajah 4.3 Jenis Pekerjaan Golongan Berpendapatan Tetap



Rajah 4.3 menunjukkan peratusan jenis pekerjaan bagi golongan berpendapatan tetap mengikut tiga jenis pekerjaan yang terdiri daripada kerajaan, swasta serta lain-lain (badan berkanun). Berdasarkan kepada keputusan, jelas menunjukkan bahawa sektor kerajaan telah mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 78 peratus iaitu melebihi separuh daripada jumlah responden yang telah ditemubual. Diikuti pula dengan sektor kedua tertinggi dan terendah iaitu sektor swasta dan lain-lain masing-masing sebanyak 12 peratus dan 10 peratus. Pemilihan sektor yang berbeza mungkin membawa kepada perbezaan tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap ini.

Rajah 4.4 Pengalaman Bekerja Golongan Berpendapatan Tetap




Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan pada rajah 4.4 diatas, hampir separuh peratusan adalah terdiri daripada responden yang telah berpengalaman antara 10 hingga 20 tahun dalam bidang pekerjaan yang diceburi. Diikuti pula antara 1 hingga 5 tahun iaitu sebanyak 20 peratus, manakala 6 hingga 10 tahun dan 6 hingga 12 bulan pula masing-masing mencatat sebanyak 18 peratus dan 12 peratus.

Peringkat pengalaman antara 6 hingga 10 tahun dengan 1 hingga 5 tahun tidak menunjukkan perbezaan yang terlalu banyak iaitu hanya sebanyak 2 peratus. Manakala perbezaan antara peratusan yang tertinggi dengan peratusan terendah adalah sebanyak 38 peratus iaitu antara pengalaman lingkungan 10 hingga 20 tahun dengan 6 hingga 12 bulan seperti yang telah ditunjukkan oleh rajah 4.2 diatas.


4.1.2 Analisis Deskriptif Golongan Bekerja Sendiri/Usahawan

Rajah 4.5 Taraf Pendidikan Golongan Bekerja Sendiri/Usahawan



Rajah 4.5 diatas menunjukkan taraf pendidikan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan. Seperti golongan berpendapatan tetap, golongan bekerja sendiri juga mencatat peratusan paling tinggi pada peringkat SPM berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dikumpulkan, iaitu sebanyak 38 peratus, diikuti pula pada peringkat PMR iaitu sebanyak 20 peratus. Manakala peringkat diploma/STPM mencatat peratusan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 18 peratus dan seterusnya bagi peringkat UPSR, ijazah dan tiada pendidikan adalah masing-masing sebanyak 12 peratus, 8 peratus dan 4 peratus.


Rajah 4.6 Pengalaman Berniaga Golongan Bekerja Sendiri/usahawan



Pengalaman berniaga merupakan antara faktor yang telah dipilih dalam kajian ini bagi melihat hubungan dengan tingkat keuntungan golongan bekerja sendiri/usahawan. Rajah 4.5 diatas menunjukkan peratusan pengalaman berniaga yang paling tinggi adalah antara lingkungan 1 hingga 5 tahun berdasarkan kepada hasil data yang telah dikumpulkan iaitu 34 peratus.

Manakala sebanyak 32 peratus pengalaman berniaga antara lingkungan 11 tahun dan keatas iaitu kurang sebanyak 2 peratus berbanding peratusan pengalaman 11 tahun dan keatas. Diikuti pula 6 hingga 10 tahun iaitu sebanyak 24 peratus dan lingkungan 6 hingga 12 bulan pula mencatat peratusan sebanyak 8 peratus manakala 1 hingga 5 bulan pula mencatat peratusan terendah iaitu sebanyak 2 peratus. Perbezaan antara peratusan tertinggi dengan peratusan terendah adalah sebanyak 32 peratus.


Rajah 4.7 : Ilmu Perniagaan Yang Diperolehi Bagi Individu Yang Tidak Menghadiri Kursus



Berdasarkan kepada maklumat yang telah diperolehi daripada hasil temubual berstruktur, telah mendapati bahawa ilmu perniagaan yang diperolehi dari keluarga telah mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 28 peratus. Ilmu perniagaan yang diperolehi daripada pengalaman sendiri pula mencatat sebanyak 22 peratus iaitu kurang sebanyak 6 peratus daripada jumlah tertinggi. Diikuti dengan ilmu yang ditimba daripada rakan kongsi iaitu sebanyak 4 peratus. Maklumat ini dikumpulkan bagi mengetahui sumber pengetahuan serta kemahiran berniaga yang diperolehi bagi individu yang tidak mengikuti kursus/seminar perniagaan.

Ketiga-tiga sumber pengetahuan ini juga mungkin turut menyumbang kepada tingkat keuntungan bagi golongan ini walaupun tidak menghadiri kursus/seminar perniagaan yang dianjurkan oleh pihak berkenaan.

Rajah 4.8 Waktu Operasi Perniagaan Golongan Bekerja Sendiri/usahawan



Selain daripada pengalaman berniaga dapat mempengaruhi tingkat keuntungan, waktu operasi perniagaan juga yang telah digambarkan sebagai tingkat usaha bagi individu yang menjalankan perniagaan mampu mempengaruhi tingkat keuntungan seperti andaian yang telah dibuat dalam bab 3. Berdasarkan hasil keputusan yang telah diperolehi, waktu operasi perniagaan antara 8 hingga 11 jam sehari yang dijalankan bagi individu yang berniaga di sekitar daerah Kuala Terengganu telah mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 52 peratus.

Manakala individu yang menjalankan operasi melebihi 12 jam sehari mencatat peratusan terendah iaitu sebanyak 12 peratus. Perbezaan antara peratusan tertinggi dengan peratusan terendah ialah sebanyak 40 peratus. Waktu operasi perniagaan yang kurang daripada 8 dan 12 jam pula telah mencatat peratusan yang sama iaitu sebanyak 18 peratus.

4.2 ANALISIS REGRASI BERBILANG

Analisis ini menggunakan pembolehubah tidak bersandar yang berbilang dalam membentuk model kajian untuk mendapatkan keputusan analisis yang dikehendaki. Pembolehubah tidak bersandar telah dikenalpasti seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha mengikut kategori pekerjaan masing-masing, manakala pembolehubah bersandar ialah tingkat pendapatan atau keuntungan bagi golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan. Model Regresi Berbilang telah dibentuk seperti dibawah:

Golongan berpendapatan tetap:

$$TP = \beta_0 + \beta_1 EXP_1 + \beta_2 EDU + \beta_3 SKILL + \beta_4 EFD_1 + \epsilon$$

Golongan bekerja sendiri/usahawan:

$$TP = \beta_0 + \beta_1 EXP_2 + \beta_2 EDU + \beta_3 SKILL + \beta_4 EFD_2 + \epsilon$$

Dimana;

- TP = tingkat pendapatan (RM)
- EXP₁ = pengalaman bekerja (tahun)
- EXP₂ = pengalaman berniaga (tahun)
- EDU = taraf pendidikan
- SKILL = kemahiran pekerja (kursus/seminar)
- EFD₁ = tingkat usaha (anugerah)
- EFD₂ = tingkat usaha (waktu operasi perniagaan)
- ε = ralat (faktor – faktor lain)

Dalam analisis ini juga, terdapat 2 jenis pengujian dilakukan iaitu pengujian-t serta pengujian-F yang telah dijelaskan seperti dalam bab 3 bagi mendapatkan keputusan dalam kajian ini. Terdapat kekangan data bagi menentukan tingkat usaha serta kemahiran pekerja bagi kedua-dua golongan iaitu berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri. Tiada alat yang spesifik untuk mengukur tingkat usaha serta kemahiran pekerja sama ada secara kualitatif mahupun kuantitatif. Oleh itu, bagi menggambarkan tingkat usaha serta kemahiran tersebut, beberapa andaian telah digunakan bagi mengukur kedua-dua pembolehubah ini. Bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan, beberapa andaian telah digunakan:

- a) Tingkat usaha individu telah digambarkan berdasarkan anugerah perkhidmatan cemerlang yang telah diperolehi sepanjang tempoh perkhidmatan individu dalam bidang kerjaya yang diceburi. Manakala bagi golongan bekerja sendiri/usahawan pula digambarkan melalui waktu operasi perniagaan.
- b) Kemahiran pekerja pula telah digambarkan oleh kursus, seminar atau bengkel yang telah diikuti oleh individu bagi meningkatkan produktiviti kerja serta keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan. Diandaikan pula bahawa apabila mereka mengikuti kursus, maka kerja akan lebih efektif dan sekaligus mempengaruhi pendapatan dan keuntungan yang diperolehi.

4.2.1 Pengujian-t bagi Golongan Berpendapatan Tetap

Pengujian-t ialah pengujian terhadap keyakinan berdasarkan kepada nilai-t statistik yang diperolehi daripada analisis yang menggunakan perisian *SPSS*. Ujian ini dilakukan adalah ingin melihat hubungan bagi setiap satu pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja (kursus), pengalaman bekerja serta tingkat usaha (anugerah) terhadap tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap.

Selain itu, dalam kajian ini juga telah ditetapkan aras keertian pada aras 1 peratus juga ditulis sebagai $\alpha = 0.01$ iaitu sebagai penentuan sama ada menolak H_0 atau tidak menolak H_0 . Penolakan H_0 bagi setiap hipotesis yang dibentuk adalah berdasarkan kepada nilai signifikan yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan.

Sebelum analisis dilakukan, hipotesis telah dibentuk bagi melihat sama ada hipotesis yang dibentuk adalah benar berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi. Hipotesis yang dibentuk ialah seperti dibawah:

a) Taraf pendidikan

H_0 : Taraf pendidikan tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a1} : Taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

b) Pengalaman bekerja

H_0 : Pengalaman bekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a2} : Pengalaman bekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

c) Tingkat usaha (anugerah)

H_0 : Tingkat usaha tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a3} : Tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

d) Kemahiran pekerja(kursus)

H_0 : Kemahiran pekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

H_{a4} : Kemahiran pekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan.

Jadual output dibawah adalah merupakan hasil analisis regresi yang diperolehi:


Jadual 4.1 : Output analisis Regresi bagi Golongan Berpendapatan Tetap

Model	Penentu Koefisien (B)	Standard Error	Nilai t statistik	Signifikan
Constant	-1.609	0.982	-1.638	0.108
Taraf pendidikan	0.607	0.183	3.313	0.002
Pengalaman bekerja	0.665	0.118	5.634	0.000
Tingkat usaha (anugerah)	0.511	0.362	1.410	0.166
Kemahiran bekerja (kursus)	-0.478	0.376	-1.271	0.210

Berdasarkan kepada jadual output 4.1 yang diperolehi, menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi faktor taraf pendidikan ialah 0.002 iaitu lebih kecil daripada nilai nilai aras keertian 0.01. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) ditolak dan dengan itu, terdapat bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap.

Selain itu, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diperolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau tidak menolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi taraf pendidikan ialah 3.313 dimana nilai yang lebih besar daripada nilai kritikal iaitu 2.660 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.01 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null ditolak kerana nilai t statistik lebih besar daripada nilai kritikal dan terdapat bukti menunjukkan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan. Rajah 4.9 berikut merupakan kawasan penolakan hipotesis null:

Rajah 4.9 : Pengujian t-statistik bagi faktor taraf pendidikan*




*golongan berpendapatan tetap

Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi faktor yang kedua iaitu pengalaman bekerja ialah 0.000 iaitu lebih kecil daripada nilai nilai aras keertian 0.01. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) ditolak dan dengan itu, terdapat bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa pengalaman bekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap.

Seperti pengujian bagi faktor pendidikan, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diperolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau gagal tolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi pengalaman bekerja ialah 5.634 dimana nilai yang lebih besar daripada nilai kritikal iaitu 2.660 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.01 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null ditolak kerana nilai-t statistik lebih besar

daripada nilai kritikal dan terdapat bukti menunjukkan bahawa pengalaman bekerja mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan. Rajah 4.10 berikut merupakan kawasan penolakan hipotesis null:

Rajah 4.10: Pengujian t-statistik bagi faktor pengalaman bekerja*




*golongan berpendapatan tetap

Bagi menguji faktor tingkat usaha (anugerah) pula, pengujian yang sama dilakukan iaitu melihat kepada nilai signifikan iaitu 0.166 iaitu lebih besar daripada nilai nilai aras keertian 0.01. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) tidak ditolak dan dengan itu, tiada bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap.

Seperti pengujian bagi faktor sebelum ini, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diprolehi daripada jadual nilai kritikal dalam analisis ini bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau tidak menolak

Ho. Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi tingkat usaha (anugerah) ialah 1.410 dimana nilai yang kecil daripada nilai kritikal iaitu 2.660 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.01 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotetis null tidak ditolak kerana nilai-t statistik lebih kecil daripada nilai kritikal dan tidak terdapat bukti menunjukkan bahawa tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan. Rajah 4.11 berikut merupakan kawasan tidak menolak atau gagal tolak hipotetis null:

Rajah 4.11: Pengujian t-statistik bagi faktor tingkat usaha (anugerah)*




*golongan berpendapatan tetap

Bagi menguji faktor yang terakhir iaitu kemahiran pekerja (kursus), melihat kepada nilai signifikan iaitu 0.210 iaitu lebih besar daripada nilai nilai aras keertian 0.01. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) tidak ditolak dan dengan itu, tiada bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa kemahiran pekerja (kursus) mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap.

Seperti pengujian bagi faktor sebelum ini, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diperolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau gagal menolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi kemahiran pekerja (kursus) ialah -0.271 dimana nilai yang kecil daripada nilai kritikal iaitu -2.660 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.01 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null tidak ditolak kerana nilai-t statistik lebih kecil daripada nilai kritikal dan tidak terdapat bukti menunjukkan bahawa kemahiran pekerja (kursus) mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan. Rajah 4.12 berikut merupakan kawasan tidak menolak atau gagal tolak hipotesis null:

Rajah 4.12: Pengujian t-statistik bagi faktor kemahiran pekerja (kursus)*



*golongan berpendapatan tetap

4.2.2 Pengujian- t bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan

Ujian ini dilakukan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan sama seperti bagi golongan berpendapatan tetap iaitu ingin melihat hubungan bagi setiap satu pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja (kursus/seminar), pengalaman berniaga serta tingkat usaha (waktu operasi) terhadap tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan.

Selain itu, dalam kajian ini juga telah ditetapkan aras keertian pada aras 5 peratus juga ditulis sebagai $\alpha = 0.05$ iaitu sebagai penentuan sama ada menolak H_0 atau tidak menolak H_0 . Penolakan H_0 bagi setiap hipotesis yang dibentuk adalah berdasarkan kepada nilai signifikan yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan.

Sebelum analisis dilakukan, hipotesis telah dibentuk bagi melihat sama ada hipotesis yang dibentuk adalah benar berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi. Hipotesis yang dibentuk ialah seperti dibawah:

a) Taraf pendidikan

H_0 : Taraf pendidikan tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a1} : Taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

b) Pengalaman berniaga

H_0 : Pengalaman berniaga tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a2} : Pengalaman berniaga mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

c) Tingkat usaha (waktu operasi)

H_0 : Tingkat usaha tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a3} : Tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

d) Kemahiran pekerja (kursus/seminar)

H_0 : Kemahiran pekerja tidak mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

H_{a4} : Kemahiran pekerja mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan.

Jadual output dibawah adalah merupakan hasil analisis regresi yang diperolehi:


Jadual 4.2 : Output Analisis Regresi bagi Golongan Bekerja Sendiri/Usahawan

Model	Penentu Koefisien (B)	Standard Error	Nilai t statistik	Signifikan
Constant	-0.655	1.052	-0.623	0.537
Taraf pendidikan	0.490	0.168	2.916	0.006
Pengalaman berniaga	0.427	0.199	2.145	0.037
Tingkat usaha (waktu operasi)	0.072	0.227	0.319	0.752
Kemahiran bekerja (kursus/seminar)	0.496	0.399	1.241	0.221

Berdasarkan kepada jadual output 4.2 yang diperolehi, menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi faktor taraf pendidikan ialah 0.006 iaitu lebih kecil daripada nilai aras keertian 0.05. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) ditolak dan dengan itu, terdapat bukti yang kukuh untuk menyatakan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan.

Selain itu, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diprolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau gagal tolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi taraf pendidikan ialah 2.916 dimana nilai yang lebih besar daripada nilai kritikal iaitu 2.000 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.05 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null ditolak kerana nilai-t statistik lebih besar daripada nilai kritikal dan terdapat bukti menunjukkan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan. Rajah 4.13 berikut merupakan kawasan penolakan hipotesis null:

Rajah 4.13 : Pengujian t-statistik bagi faktor taraf pendidikan**




**golongan bekerja sendiri/usahawan

Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi faktor yang kedua iaitu pengalaman berniaga ialah 0.037 iaitu lebih kecil daripada nilai nilai aras keertian 0.05. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) ditolak dan dengan itu, terdapat bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa pengalaman berniaga mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri.

Seperti pengujian bagi faktor pendidikan, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diperolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau gagal menolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi pengalaman bekerja ialah 2.145 dimana nilai yang lebih besar daripada nilai kritikal

iaitu 2.000 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.05 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null ditolak kerana nilai-t statistik lebih besar daripada nilai kritikal dan terdapat bukti menunjukkan bahawa pengalaman berniaga mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan. Rajah 4.14 berikut merupakan kawasan penolakan hipotesis null:

Rajah 4.14 : Pengujian t-statistik bagi faktor pengalaman berniaga (tahun)**




**golongan bekerja sendiri/usahawan

Bagi menguji faktor tingkat usaha (waktu operasi) pula, pengujian yang sama dilakukan iaitu melihat kepada nilai signifikan iaitu 0.752 iaitu lebih besar daripada nilai nilai aras keertian 0.05. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) tidak ditolak dan dengan itu, tiada bukti yang kukuh untuk menyimpulkan bahawa tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan.

Seperti pengujian bagi faktor sebelum ini, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diproleh daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau tidak menolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi tingkat usaha (waktu operasi) ialah 0.319 dimana nilai yang kecil daripada nilai kritikal iaitu 2.000 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.05 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null tidak ditolak kerana nilai-t statistik lebih kecil daripada nilai kritikal dan tidak terdapat bukti menunjukkan bahawa tingkat usaha mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan. Rajah 4.15 berikut merupakan kawasan tidak menolak atau gagal tolak hipotesis null:

Rajah 4.15: Pengujian t-statistik bagi faktor tingkat usaha (waktu operasi)**




**golongan bekerja sendiri/usahawan

Bagi menguji faktor yang terakhir iaitu kemahiran pekerja (kursus/seminar), melihat kepada nilai signifikan iaitu 0.221 iaitu lebih besar daripada nilai nilai aras keertian 0.05. Maka dengan ini, hipotesis null (H_0) tidak ditolak dan dengan itu, tiada bukti yang kukuh untuk menyatakan bahawa kemahiran pekerja (kursus/seminar) mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan bagi golongan bekerja sendiri/usahawan.

Seperti pengujian bagi faktor sebelum ini, nilai-t statistik juga boleh digunakan dengan membandingkan dengan nilai kritikal yang akan diperolehi daripada jadual nilai kritikal (rujuk lampiran C) bagi membuat keputusan sama ada untuk menolak atau tidak menolak H_0 . Berdasarkan kepada jadual output yang diperolehi, nilai-t statistik bagi kemahiran pekerja (kursus/seminar) ialah 1.241 dimana nilai yang kecil daripada nilai kritikal iaitu 2.000 berdasarkan kepada darjah kebebasan iaitu 49 dan pada aras keertian 0.05 bagi 2 hujung. Maka dengan itu, hipotesis null tidak ditolak kerana nilai-t statistik lebih kecil daripada nilai kritikal dan tidak terdapat bukti menunjukkan bahawa kemahiran pekerja (kursus/seminar) mempunyai hubungan dengan tingkat keuntungan. Rajah 4.16 berikut merupakan kawasan tidak menolak atau gagal tolak hipotesis null:

Rajah 4.16: Pengujian t-statistik bagi faktor kemahiran pekerja (kursus/seminar)**



**golongan bekerja sendiri/usahawan

4.2.3 Pengujian-F Bagi Golongan Berpendapatan Tetap

Ujian-F statistik dilakukan adalah ingin melihat keseluruhan pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, pengalaman bekerja, kemahiran pekerja (kursus) serta tingkat usaha (anugerah) bagi golongan berpendapatan tetap, dapat mempengaruhi tingkat pendapatan yang diperolehi.

Selain itu, dalam kajian ini juga telah ditetapkan aras keertian pada aras 1 peratus juga ditulis sebagai $\alpha = 0.01$ iaitu sebagai penentuan sama ada menolak H_0 atau tidak menolak H_0 . Penolakan H_0 bagi setiap hipotesis yang dibentuk adalah berdasarkan kepada nilai F statistik yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan.

Seperti dalam pengujian-t, terdapat beberapa hipotesis dibentuk bagi melihat kesahihan hipotesis yang dibentuk iaitu sama ada ditolak ataupun gagal menolak hipotesis null. Berikut merupakan hipotesis yang dibentuk bagi menjalankan pengujian-F adalah seperti dibawah:

H_0 :Tingkat pendapatan tidak dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

H_1 : Tingkat pendapatan dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

Jadual output dibawah adalah merupakan hasil ujian-F yang diperolehi:

Jadual 4.3 : Output Analisis Varians (ANOVA) Bagi Golongan Berpendapatan Tetap

Model	Sum of square	df	Mean square	F	Sig.
Regresion	46.110	4	11.528	10.444	0.000
Residual	49.670	45	1.104		
Total	95.780	49			


Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi daripada jadual 4.3, mendapati bahawa nilai signifikan ialah 0.000 iaitu nilai yang kecil daripada aras keertian 1 peratus atau ditulis sebagai $\alpha = 0.01$. Selain daripada itu, bagi membuat keputusan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null, nilai F statistik perlu dibandingkan dengan nilai kritikal.

Berdasarkan kepada jadual, nilai F statistik ialah 10.444 manakala nilai kritikal pula diperolehi dengan mengetahui darjah kebebasan yang perlu digunakan. Bagi nilai pengatas, darjah kebebasan ialah jumlah rawatan (bilangan pembolehubah tidak bersandar) iaitu menggunakan simbol (k) ditolak dengan 1 atau $k - 1$. Manakala darjah kebebasan bagi pembawah pula, ialah jumlah cerapan atau sampel (n) ditolak dengan jumlah rawatan atau $n - k$. Maka dengan ini, darjah kebebasan bagi pengatas ialah 3

manakala darjah kebebasan bagi pembawah ialah 46. Oleh itu, berdasarkan nilai kritikal yang terdapat dalam lampiran D ialah 4.13.

Maka dengan itu, keputusan bahawa hipotesis null ditolak pada aras keertian 1 peratus memandangkan nilai F statistik lebih besar daripada nilai kritikal dan dengan itu, terdapat bukti menyatakan bahawa tingkat pendapatan bagi golongan berpendapatan tetap dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar. Keputusan penolakan dapat ditunjukkan dalam rajah 4.17.

Rajah 4.17 : Pengujian F-statistik bagi kesemua pembolehubah tidak bersandar



4.2.4 Pengujian-F Bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan

Ujian-F dilakukan adalah ingin melihat keseluruhan pembolehubah tidak bersandar seperti taraf pendidikan, pengalaman berniaga, kemahiran pekerja (kursus/seminar) serta tingkat usaha (waktu operasi) bagi golongan bekerja sendiri/usahawan, dapat mempengaruhi tingkat keuntungan yang diperolehi.

Selain itu, dalam kajian ini juga telah ditetapkan aras keertian pada aras 5 peratus juga ditulis sebagai $\alpha = 0.05$ iaitu sebagai penentuan sama ada menolak H_0 atau tidak menolak H_0 . Penolakan H_0 bagi setiap hipotesis yang dibentuk adalah berdasarkan kepada nilai F statistik yang diperolehi daripada analisis yang dilakukan.

Seperti dalam pengujian-t, terdapat beberapa hipotesis dibentuk bagi melihat kesahihan hipotesis yang dibentuk iaitu sama ada ditolak ataupun gagal menolak hipotesis null. Berikut merupakan hipotesis yang dibentuk bagi menjalankan pengujian-F adalah seperti dibawah:

H_0 :Tingkat keuntungan tidak dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

H_1 : Tingkat keuntungan dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar.

Jadual output dibawah adalah merupakan hasil ujian-F yang diperolehi:

Jadual 4.4 : Output Analisis Varians (ANOVA) Bagi Golongan Bekerja sendiri/usahawan


Model	Sum of square	df	Mean square	F	Sig.
Regresion	24.371	4	6.093	3.338	0.018
Residual	82.129	45	1.825		
Total	106.500	49			

Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi daripada jadual 4.4, mendapati bahawa nilai signifikan ialah 0.018 iaitu nilai yang kecil daripada aras keertian 5 peratus. Selain daripada itu, bagi membuat keputusan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null, nilai F statistik perlu dibandingkan dengan nilai kritikal.

Berdasarkan kepada jadual, nilai F statistik ialah 3.338 manakala nilai kritikal pula diperolehi dengan mengetahui darjah kebebasan yang perlu digunakan. Bagi nilai pengatas, darjah kebebasan ialah jumlah rawatan (bilangan pembolehubah tidak bersandar) iaitu menggunakan simbol (k) ditolak dengan 1 atau $k - 1$. Manakala darjah kebebasan bagi pembawah pula, ialah jumlah cerapan atau sampel (n) ditolak dengan jumlah rawatan atau $n - k$. Maka dengan ini, darjah kebebasan bagi pengatas ialah 3 manakala darjah kebebasan bagi pembawah ialah 46. Oleh itu, berdasarkan nilai kritikal yang terdapat dalam lampiran E ialah 2.76.

Maka dengan itu, keputusan bahawa hipotesis null ditolak pada aras keertian 5 peratus memandangkan nilai F statistik lebih besar daripada nilai kritikal dan dengan itu, terdapat bukti menyatakan bahawa tingkat keuntungan dipengaruhi oleh kesemua pembolehubah tidak bersandar. Keputusan penolakan dapat ditunjukkan dalam rajah 4.18.

Rajah 4.18 : Pengujian F-statistik bagi kesemua pembolehubah tidak bersandar



4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapat dibuktikan bahawa faktor pendidikan dan pengalaman bagi kedua-dua golongan ini iaitu golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan serta keuntungan yang diperolehi melalui pengujian-pengujian yang telah dilakukan. Namun begitu, faktor seperti kemahiran pekerja serta tingkat usaha tidak mempengaruhi tingkat pendapatan serta keuntungan. Hal ini adalah berkemungkinan terdapat faktor-faktor lain yang mampu mempengaruhi pendapatan serta keuntungan, yang tidak digunakan dalam kajian ini.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Bab terakhir ini akan merumus keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Bab ini turut mengemukakan beberapa cadangan kepada sesiapa yang ingin membuat kajian seumpama ini dan kepada kerajaan. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan implikasi terhadap dasar kerajaan daripada dapatan kajian terhadap pendapatan golongan berpendapatan tetap dan bekerja sendiri/usahawan.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan faktor pendidikan sekali lagi menjadi faktor yang diberi perhatian utama di dalam RMK-9. Sasaran di dalam RMK-9 kali ini ialah kadar buta huruf akan dikurangkan ke tahap yang paling minimum, tindakan ini bertujuan untuk menghasilkan masyarakat yang celik huruf, dan sekaligus mewujudkan masyarakat yang berilmu. Dengan pendidikan, ianya akan menjamin seseorang itu untuk mendapat tempat di sektor pekerjaan sama ada di sektor awam mahupun swasta. Namun sejauh manakah taraf pendidikan yang diperolehi oleh seseorang itu, mampu mempengaruhi tingkat pendapatan atau gaji yang diperolehi mereka setiap bulan.

Begitu juga dengan faktor lain seperti pengalaman serta kemahiran yang ingin diterapkan oleh kerajaan kepada para siswazah, sebagai contoh program seperti menempatkan siswazah menganggur di agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk mendapat kemahiran dan pengalaman bekerja serta memperkenalkan program melatih semula siswazah untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mereka, selaras dengan keperluan pasaran serta majikan (Laporan Mini Bajet, 9 Mac 2009).

Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengkaji sumbangan faktor-faktor seperti taraf pendidikan, pengalaman, kemahiran serta tingkat usaha (kursus) juga diambilkira terhadap tingkat pendapatan golongan berpendapatan tetap. Dalam kajian ini juga akan mengkaji satu lagi sektor iaitu sektor sara diri atau bekerja sendiri juga ingin melihat sumbangan faktor yang sama terhadap tingkat keuntungan mereka. Berdasarkan kepada huraian-huraian yang telah dibuat pada awal kajian ini, terdapat objektif umum yang ingin dikaji iaitu mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perbezaan tingkat pendapatan antara golongan yang berpendapatan tetap dengan golongan yang bekerja sendiri/usahawan.

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah diperolehi melalui pengujian-t statistik serta pengujian-F statistik, jelas menunjukkan bahawa taraf pendidikan mempunyai hubungan dengan tingkat pendapatan yang diperolehi bagi golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan bagi kawasan kajian iaitu daerah Kuala Terengganu. Menurut Wei Chi (2007) dalam kajian beliau yang bertajuk 'Modal Insan Ke atas Pertumbuhan China' telah mendapati bahawa pendidikan kolej atau tahap pendidikan yang lebih tinggi merupakan penentuan yang penting untuk membuat keputusan pelaburan modal fizikal, berbanding tahap pendidikan rendah dan menengah. Selain itu, kajian oleh Dennis Tao Yang & Mark Yuying An (2002) dengan membuktikan secara empirikal mendapati bahawa persekolahan dapat meningkatkan keuntungan pertanian dan bukan aktiviti pertanian iaitu lebih kurang 14 peratus daripada jumlah pulangan meningkat daripada pemilihan aktiviti melalui pengagihan penawaran input isi rumah. Maka dengan itu, situasi yang sama berlaku di Kuala Terengganu bagi golongan bekerja sendiri/usahawan dimana faktor pendidikan mempengaruhi tingkat keuntungan mereka.

Hasil daripada kajian yang dijalankan juga telah mendapati bahawa pengalaman bekerja bagi seseorang individu berpendapatan tetap, mampu mempengaruhi tingkat pendapatan yang diperolehi. Begitu juga bagi golongan bekerja sendiri/usahawan, pengalaman berniaga mampu mempengaruhi tingkat keuntungan mereka berdasarkan hasil keputusan pengujian yang telah dijalankan dalam bab 4. Pengalaman juga turut menyumbang kepada keluaran pertanian serta memberi kesan yang begitu ketara kepada pendapatan penduduk luar bandar dalam meningkatkan keuntungan pertanian dan bukan pertanian, dan pencapaian modal insan ini mampu meningkatkan pengagihan faktor antara sektor (Dennis Tao Yang & Mark Yuying An, 2002).

Selain itu, faktor-faktor lain seperti tingkat usaha serta kemahiran yang telah diandaikan dalam bab 4, tidak mempunyai hubungan atau tidak mempengaruhi tingkat pendapatan atau tingkat keuntungan bagi kedua-dua golongan ini. Maka dengan ini juga, keadaan yang berbeza berlaku bagi golongan bekerja sendiri/usahawan di Kuala Terengganu jika dibandingkan dengan penemuan oleh pengkaji dari China iaitu Dennis Tao Yang & Mark Yuying An (2002) dalam kajian mereka bagi melihat modal insan seperti pendidikan serta kemahiran terhadap pendapatan golongan petani dan usahawan dan telah mendapati bahawa kemahiran telah menyumbang sebanyak 27 peratus kepada pendapatan isi rumah petani tersebut setelah menggunakan input penawaran isi rumah.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah melihatkan keupayaan faktor-faktor seperti taraf pendidikan, kemahiran pekerja, pengalaman bekerja serta tingkat usaha dalam mempengaruhi pendapatan serta keuntungan bagi kedua-dua golongan yang dinyatakan. Berdasarkan keputusan, jelas menunjukkan faktor yang mempengaruhi pendapatan serta keuntungan adalah tidak berbeza mengikut golongan utama iaitu berpendapatan tetap dan bekerja sendiri/usahawan. Namun begitu, faktor seperti kemahiran mampu mempengaruhi pendapatan serta keuntungan golongan bekerja sendiri dalam beberapa kajian terdahulu, namun berdasarkan kajian yang telah dijalankan ianya tidak berlaku di Kuala Terengganu.

5.2 IMPLIKASI DASAR

Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak ketika ucapan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di Dewan Rakyat pada 10 Mac 2009, telah berpendapat bahawa krisis ekonomi global semasa yang bermula daripada krisis kewangan subprima di Amerika Syarikat pada pertengahan tahun 2007, telah membawa kesan yang jauh lebih meluas dan mendalam. Ini kerana terdapat syarikat-syarikat, khususnya dalam sektor pembuatan, terpaksa memberhentikan pekerja atau mengurangkan operasi dan dijangka menyebabkan kadar pengangguran di Malaysia bagi tahun 2009 meningkat kepada 4.5 peratus berbanding 3.7 peratus bagi tahun 2008.

Menurut sumber daripada Berita Harian pada 25 Mac 2009, semenjak Oktober 2008, seramai 25,000 telah kehilangan pekerjaan. Terdapat juga 30,900 pekerja yang telah diberhentikan secara sementara dan 23,900 yang terpaksa bekerja dengan pengurangan gaji. Selain itu, terdapat kira-kira 100,000 pekerja yang tidak dibenarkan membuat kerja lebih masa dan menyebabkan pendapatan mereka telah berkurangan dengan agak ketara. Pihak kerajaan amat prihatin dengan keperitan yang dihadapi oleh golongan pekerja yang diberhentikan, kesukaran yang ditanggung oleh siswazah menganggur dan keresahan yang turut dirasai oleh keluarga mereka. Tambahan lagi, kerajaan akan mewujudkan sebanyak 163,000 peluang latihan dan penempatan pekerjaan di sektor awam dan swasta bagi membantu golongan ini.

Disamping itu, kerajaan menyediakan latihan dan mewujudkan peluang pekerjaan dari jumlah 163,000 peluang latihan dan pekerjaan yang akan diwujudkan, sebanyak 100,000 merupakan inisiatif usaha sama antara kerajaan dengan pihak majikan sektor swasta. Sasaran program ini adalah untuk memberikan manfaat kepada pekerja yang telah diberhentikan dan pekerja yang diberhentikan sementara serta mereka yang mengalami kekurangan pendapatan dan siswazah menganggur (Laporan Mini Bajet, 9 Mac 2009).

Ekoran daripada kemelesetan ekonomi yang dihadapi dunia sekarang, para graduan atau masyarakat Malaysia pada hari ini tidak lagi memilih jenis pekerjaan yang setaraf dengan kelulusan serta bidang yang mereka pelajari di universiti. Mereka sanggup memasuki pasaran kerja walaupun mereka memiliki kelulusan yang lebih tinggi, tetapi menerima gaji atau pendapatan tidak setaraf dengan kelulusan yang dimiliki. Maka tidak hairanlah jika seseorang individu tersebut memiliki pendidikan pada peringkat ijazah tetapi diterima bekerja dengan menggunakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah menyarankan supaya para graduan di negara ini tidak terlalu bergantung serta berharap jenis pekerjaan yang dipilih adalah bertepatan dengan kelulusan serta bidang yang diambil semasa belajar di universiti. Hal ini adalah bagi mengelakkan berlakunya peningkatan kadar pengangguran di kalangan siswazah (Bernama, 2008). Kerajaan juga telah menggalakkan serta memberi sokongan dalam bentuk kemudahan pinjaman kredit kepada graduan supaya mereka menjalankan perniagaan sendiri memandangkan potensi Industri Kecil Sederhana dan bidang perniagaan di negara ini adalah semakin meningkat dan mendapat perhatian daripada semua pihak.

5.3 CADANGAN

Kajian ini merupakan yang pertama menganalisis faktor tingkat usaha bagi kedua-dua golongan iaitu golongan berpendapatan tetap dan golongan bekerja sendiri/usahawan selain faktor taraf pendidikan, pengalaman bekerja serta kemahiran pekerja. Memandangkan faktor tingkat usaha sukar ditentukan atau dinilai dalam bentuk kuantitatif, maka beberapa andaian terpaksa dibuat bagi meneruskan kajian ini seperti yang telah dinyatakan pada bab 4 sebelum ini.

Dalam kajian ini, telah diandaikan bahawa bagi golongan berpendapatan tetap, tingkat usaha diukur berdasarkan kepada anugerah cemerlang yang pernah diperolehi mereka kerana dengan anugerah tersebut mungkin dapat meningkatkan pendapatan mereka. Manakala bagi golongan bekerja/usahawan pula, tingkat usaha diukur berdasarkan waktu operasi perniagaan dalam sehari. Diandaikan bahawa apabila seseorang itu membuka perniagaan dalam tempoh yang lama, maka keuntungan yang diperolehi adalah tinggi berbanding individu yang menjalankan perniagaan pada tempoh yang singkat.

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa cadangan kepada pihak kerajaan iaitu cadangan supaya subjek pembelajaran serta kemahiran teknikal mahupun insaniah di institusi pengajian tinggi harus dikaji dan disemak semula bagi disesuaikan dengan keadaan semasa serta kehendak pasaran bagi melahirkan ramai para usahawan muda yang lebih berdaya saing terutamanya kepada golongan siswazah. Walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai program serta latihan kemahiran kepada masyarakat terutamanya kepada golongan bekerja sendiri, namun hasil keputusan memperlihatkan faktor tersebut masih belum mampu meningkatkan keuntungan yang diperolehi. Sehubungan dengan masalah yang dihadapi, kerajaan telah memantapkan lagi Program Tunas Mekar iaitu antara program kerajaan untuk menggalakkan siswazah menceburi bidang perniagaan dan menambah nilai kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Selain itu, cadangan seterusnya iaitu menempatkan satu 'Zon Perniagaan Bestari' dimana kawasan tersebut adalah satu kawasan yang strategik serta barangan yang dikeluarkan adalah bersesuaian dengan keperluan masyarakat. Disamping itu juga, kawasan tersebut hendaklah dimajukan sebagai kawasan perumahan terancang. Dengan langkah ini, lebih menggalakkan aktiviti perniagaan kecil-kecilan dijalankan serta memberi satu platform kepada pengusaha-pengusaha baru. Langkah ini juga bagi menambahkan usaha kerajaan selain daripada menubuhkan Pejabat Matrade di beberapa buah bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru serta Kuala Terengganu bagi menyelaraskan, memudahkan jalinan perhubungan perniagaan antara syarikat tempatan dengan pengimport luar negara.

5.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya jelas menunjukkan bahawa, faktor pendidikan serta pengalaman merupakan antara faktor yang mampu mempengaruhi tingkat pendapatan serta keuntungan bagi kedua-dua golongan utama. Namun faktor seperti kemahiran pekerja dan tingkat usaha tidak menunjukkan hubungan dengan tingkat pendapatan serta keuntungan yang diperolehi. Hasil kajian ini telah disokong oleh kajian lepas oleh Wei Chi (2007) yang telah mendapati bahawa pertumbuhan antara kawasan di China meningkat pada masa hadapan disebabkan pekerja yang mempunyai pendidikan kolej berbanding sekolah rendah. Manakala hasil kajian bagi individu bekerja sendiri pula telah disokong oleh penemuan dari Dennis Yang & Mark Yuying (2002) yang telah mendapati bahawa persekolahan dapat meningkatkan keuntungan bagi individu yang bekerja sendiri iaitu lebih kurang 14 peratus daripada jumlah pulangan.

Maka dengan itu, jelas membuktikan bahawa faktor pendidikan merupakan perkara yang dititikberatkan bagi majikan terutamanya di sektor awam serta swasta dalam pengambilan pekerja bagi memastikan produktiviti serta kecekapan pekerja dalam bidang pekerjaan masing-masing. Tingkat pendapatan yang dimiliki juga turut mempunyai kaitan dengan taraf pendidikan yang mereka miliki. Namun, tidak semua bernasib baik mendapat gaji setaraf dengan tahap akademik yang mereka miliki. Ini dapat dibuktikan pada rajah 4.2 dalam bab 4, bahawa masih terdapat individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi tetapi diterima bekerja tidak mengikut taraf kelayakan sebenar.

Hasil kajian ini juga telah membuktikan bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang positif dengan tingkat keuntungan dan ini dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi taraf pendidikan seseorang itu, semakin tinggi tingkat keuntungan yang mampu dijana oleh mereka. Maka dengan ini, selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin menggalakkan golongan siswazah yang menganggur melibatkan diri dalam dunia perniagaan atau Enterprise Kecil Sederhana (EKS) bagi mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Faktor pengalaman bekerja bagi golongan berpendapatan tetap adalah signifikan dengan pendapatan yang diperolehi. Maka dapat disimpulkan bahawa semakin lama seseorang itu dalam bidang pekerjaan mereka, semakin meningkat pendapatan yang diperolehi. Daiji Kawaguchi dalam kajian beliau yang bertajuk 'Modal Insan Antara Golongan Bekerja sendiri dengan Golongan Berpendapatan Tetap' (2003) juga telah mengemukakan satu model yang mengandaikan peningkatan pendapatan adalah mengikut tempoh pemegangan jawatan bagi kedua-dua golongan ini. Bukti empirikal yang diperolehi dalam kajian ini dapat dikukuhkan lagi dengan satu kajian oleh Lazear (1979) yang telah menemui bahawa tingkat upah adalah berdasarkan pengalaman bekerja oleh seseorang individu. Pengalaman berniaga juga mampu untuk meningkatkan tingkat keuntungan golongan bekerja sendiri/usahawan dan telah menunjukkan hubungan yang positif dengan keuntungan dan ini juga membuktikan bahawa semakin lama seseorang itu telah berkecimpung dalam perniagaan, semakin tinggi keuntungan yang dapat dijana.

Selain itu, terdapat kajian terdahulu yang telah dibuat bagi melihat perbezaan pendapatan antara kedua-dua golongan ini iaitu seperti kajian oleh Salop & Salop, (1976); Javanovic, (1979); Lazear & Moore, (1984) telah menemui bahawa tingkat pendapatan golongan yang bekerja sendiri adalah lebih tinggi berbanding golongan berpendapatan tetap atau makan gaji dan telah mengandaikan bahawa golongan bekerja sendiri mempunyai modal insan yang tinggi terhadap kerja mereka. Maka dengan ini perbezaan pendapatan antara kedua-dua golongan tersebut adalah disebabkan oleh modal insan seperti pendidikan, pengalaman serta kemahiran seperti yang telah dikemukakan. Namun hal yang sedemikian tidak berlaku di Kuala Terengganu kerana faktor seperti pendidikan serta pengalaman adalah faktor yang mempengaruhi peningkatan dalam pendapatan serta keuntungan yang diperolehi. Maka tidak dapat dikatakan bahawa keuntungan golongan bekerja sendiri adalah lebih tinggi berbanding golongan berpendapatan tetap.

Memandangkan kawasan kajian yang dipilih adalah terhad kepada kawasan bandar Kuala Terengganu sahaja, maka taraf pendidikan serta pengalaman telah mempengaruhi pendapatan golongan berpendapatan tetap. Kajian yang sama juga telah dijalankan oleh Wei Chi (2007) ke atas beberapa daerah di Negara China dimana kawasan timur negara tersebut adalah terdiri daripada individu yang berpendidikan tinggi dan telah mendapati bahawa faktor tersebut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara tersebut. Namun begitu beliau telah mendapati bahawa berlaku ketidaksamarataan pertumbuhan antara kawasan China disebabkan berlaku perbezaan kawasan. Berbeza pula kajian yang dijalankan sekali lagi oleh Dennis Yang & Mark Yuying (2002) terhadap golongan bekerja sendiri kerana beliau telah menumpukan kajian pada kawasan luar bandar dan telah mendapati bahawa persekolahan serta pengalaman memberi kesan yang ketara terhadap keuntungan yang mereka diperolehi.

Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa kajian ini telah memperlihatkan bahawa tingkat pendidikan serta pengalaman mampu mempengaruhi pendapatan serta keuntungan yang diperolehi dengan bukti-bukti secara empirikal juga telah membuktikan kekuatan faktor-faktor tersebut malah telah disokong dengan kajian-kajian lepas yang diperolehi berdasarkan kawasan kajian kes yang berbeza. Sehubungan dengan itu, faktor pendidikan, pengalaman serta kemahiran haruslah seiring jika ingin memastikan tingkat pendapatan serta keuntungan yang diperolehi bagi kedua-dua golongan ini. Hal ini adalah kerana taraf pendidikan merupakan penggerak utama kepada kemahiran serta pengalaman yang dimiliki oleh masyarakat pada hari ini, terutamanya bagi golongan bekerja sendiri/usahawan kerana faktor pendidikan juga yang akan menentukan strategi perniagaan yang akan digunakan.

RUJUKAN

Daiji Kawaguchi. (2003). 'Human capital accumulation of salaried and self-employed workers', Institute of Social And Economics Research, Osaka University, Mihogaoka 6-1. Ibaraki, Osaka, Journal of Labour Economics, 55-71.

Dennis Tao Yang, Mark Yuying An. (2002). 'Human capital, entrepreneurship, and farm household earnings, Department of Economics, Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg, USA, Journal of Development Economics, 65-88.

Wei CHI. (2007). The role of human capital in China's economic development: Review and new evidence, School of Economics And Management, Tsinghua University, Beijing, 100084 China, 16 p.

'Laporan Tahunan PKS' (2005): Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (pp.19-35).

Hj. Aziz Bin Othman (2005) 'Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh' (pp.176-178). Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Hjh. Normah Bt. Mohd Aris (2006) 'Perangkaan Ekonomi Malaysia' – Siri Masa 2005 (pp. 183-186).

Hj. Aziz Bin Othman (2005) ' Buletin Perangkaan Sosial' (pp.212-215):Jabatan Perangkaan Malaysia.

<http://www.terengganu.gov.my/dan/dan05/datasumber> [accessed 8 Mei 2008]

http://www.statistics.gov.my/malay/frameset_datapenting.php [accessed 12 Mei 2008]

http://eportal.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/cms/direktori_kerajaan_dt_1.php [accessed 13 Mei 2008]

<http://www.mohr.gov.my> [accessed 20 Mei 2008]

<http://en.wikipedia.org/wiki/Terengganu> [accessed 2 June 2008]

<http://www.jutr.gov.my/index> [accessed 5 june 2008]

<http://www.jpk.gov.my/jpk/main.php> [accessed 11 June 2008]

Berita Harian 23 Jun 2008.

<http://mesrarakyat.wordpress.com/2008/05/27/menikmati-rezeki-hasil-bekerja-sendiri/> [accessed 8 Nov 2008]

Laporan Mini Bajet, 9 Mac 2009.

Berita Harian, 25 Mac 2009.



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Borang Soal Selidik
GOLONGAN BERPENDAPATAN TETAP

TAJUK KAJIAN

**FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN ANTARA GOLONGAN
BERPENDAPATAN TETAP DENGAN GOLONGAN BEKERJA
SENDIRI/USAHAWAN:KAJIAN KES KUALA TERENGGANU**

JABATAN EKONOMI , FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

Saya pelajar jurusan Ekonomi (Sumber Alam) dari Universiti Malaysia Terengganu ingin membuat kajian tentang faktor perbezaan pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri/usahawan di Kuala Terengganu. Kajian soal selidik ini mengambil masa selama 15 minit dan memerlukan kerjasama dari pihak tuan/puan. Oleh itu, segala kerjasama yang pihak tuan/puan berikan amat saya hargai dan saya dahului dengan ribuan terima kasih. Untuk makluman pihak tuan/puan, segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja.

Sekian terima kasih.

**BORANG SOAL SELIDIK
FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN:
GOLONGAN BERPENDAPATAN TETAP**

⊖ *Sila tandakan (X) di dalam kotak yang berkenaan. Anda boleh menanda lebih daripada satu kotak jika berkaitan.*

BAHAGIAN A : PROFIL RESPONDEN

1. Umur tahun.

2. Jantina

Lelaki

Perempuan

3. Jenis Pekerjaan

Kakitangan Kerajaan

Kakitangan swasta

4. Anggaran pendapatan bulanan:

(RM 500 – RM 1000)

(RM 1100 – RM 1500)

(RM 1600 – RM 2000)

(RM 2100 – RM 2500)

(RM 2600 dan ke atas)

5. Bilangan isi rumah

(1 hingga 2 orang)

(3 hingga 5 orang)

(6 hingga 8 orang)

(8 orang dan ke atas)

6. Taraf pendidikan anda?

Tiada

Sekolah Rendah (UPSR)

Sekolah Menengah Rendah (PMR/SRP)

Sekolah Menengah SPM/SPVM

Diploma/STPM

Ijazah dan ke atas

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PEKERJAAN

7) Pengalaman bekerja:

0 – 5 bulan

6 – 12 bulan

1 – 5 tahun

6 – 10 tahun

10 – 20 tahun

20 tahun dan ke atas

8) Taraf kelayakan diterima bekerja (meliputi PMR,SPM,STPM,Diploma,ijazah dan ke atas)

9) Adakah anda merasakan pendapatan yang dimiliki mencukupi?

Ya

Tidak

10) Adakah anda pernah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang?

Ya

Tidak

11) Adakah anda bersetuju perkhidmatan cemerlang membuktikan tingkat usaha seseorang pekerja untuk meningkatkan pendapatan mereka?

Ya

Tidak

12) Adakah anda pernah mengikuti kursus/bengkel/seminar untuk meningkatkan mutu pekerjaan anda? Jika Ya nyatakan nama kursus tersebut.

Ya
(nama kursus)(sila jawab soalan 13 hingga 16)

Tidak (sila jawab soalan 17 hingga 19)

13) Tempoh kursus/seminar yang diikuti?

1 – 4 hari

1 minggu

2 minggu

3 minggu dan ke atas

14) Adakah anda merasakan tempoh tersebut mencukupi? Jika Ya nyatakan alasan anda. (Pilih satu jawapan sahaja)

Peserta kursus/seminar telah didedahkan sepenuhnya tentang info-info dalam tempoh kursus.

Dapat menjimatkan masa dan segera kembali bertugas seperti biasa.

Penceramah kursus/seminar yang berpengalaman, maka tempoh tersebut sudah cukup untuk memberikan info serta pengetahuan kepada peserta.

Lain –lain

15) Jika *Tidak* apakah alasan anda? (pilih satu jawapan sahaja)

Tempoh tersebut tidak mampu untuk meningkatkan mutu pekerjaan peserta.

Peserta mengambil sambil lewa semasa kursus/seminar tersebut.

Pengisian kursus/seminar tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam tempoh tersebut.

Lain-lain

16) Pada pendapat anda, berapakah tempoh kursus yang sesuai untuk meningkatkan mutu pekerjaan?

1 – 5 hari

1 – 2 minggu

3 – 4 minggu

1 bulan dan ke atas

17) Pada pandangan anda, adakah kursus/seminar dapat meningkatkan mutu kerja seseorang?

Ya

Tidak

18) Adakah anda bersetuju bahawa, selain kursus/seminar kemahiran tambahan seperti kursus komputer juga mampu meningkatkan mutu kerja seseorang?

Ya

Tidak

19) Jika anda diberi peluang, adakah anda akan menghadiri kursus yang dianjurkan di tempat kerja anda?

Ya

Tidak

BAHAGIAN C: RESPON SERTA PANDANGAN TERHADAP PILIHAN KERJAYA

(Bagi soalan 20 hingga 25 sila bulatkan jawapan yang dipilih mengikut skala)

5	sangat setuju
4	setuju
3	kurang bersetuju
2	tidak bersetuju
1	sangat tidak setuju

BIL	SOALAN	JAWAPAN				
20.	Adakah anda bersetuju sekiranya pekerja berpendapatan tetap diberikan kursus kemahiran intensif?	1	2	3	4	5
21.	Adakah kerajaan perlu menganjurkan kursus/seminar pada setiap bulan untuk meningkatkan kualiti pekerja?	1	2	3	4	5
22.	Adakah anda bersetuju bahawa pendapatan golongan berpendapatan tetap adalah lebih rendah daripada golongan bekerja sendiri?	1	2	3	4	5
23.	Adakah anda bersetuju sekiranya kerajaan meningkatkan gaji kakitangan kerajaan atau swasta termasuk golongan profesional?	1	2	3	4	5
24.	Adakah anda bersetuju bahawa taraf pendidikan tidak begitu penting untuk mendapatkan pekerjaan?	1	2	3	4	5
25.	Adakah anda bersetuju sekiranya pengalaman bekerja lebih membantu seseorang itu untuk mendapat pekerjaan berbanding seseorang yang tidak mempunyai pengalaman.	1	2	3	4	5

Soalan 26 hingga 28, sila tandakan (X) pada pilihan jawapan anda

BIL	SOALAN	YA	TIDAK
26.	Adakah anda memang memillih untuk bekerja makan gaji atau berpendapatan tetap?		
27.	Adakah anda merasakan bahawa bekerja makan gaji lebih terjamin berbanding bekerja sendiri.		
28.	Adakah anda pernah mendengar bahawa terdapat golongan berpendapatan tetap lebih berjaya daripada golongan bekerja sendiri?		

Kembalikan semula borang yang telah lengkap diisi kepada pembanci



Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
 Jabatan Ekonomi , Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE)
 Universiti Malaysia Terengganu.



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Borang Soal Selidik
GOLONGAN BEKERJA SENDIRI/USAHAWAN

TAJUK KAJIAN :
FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN ANTARA GOLONGAN
BERPENDAPATAN TETAP DENGAN GOLONGAN BEKERJA
SENDIRI/USAHAWAN:KAJIAN KES KUALA TERENGGANU

JABATAN EKONOMI , FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI

Saya pelajar jurusan Ekonomi (Sumber Alam) dari Universiti Malaysia Terengganu ingin membuat kajian tentang faktor perbezaan pendapatan antara golongan berpendapatan tetap dengan golongan bekerja sendiri/usahawan di Kuala Terengganu. Kajian soal selidik ini mengambil masa selama 15 minit dan memerlukan kerjasama dari pihak tuan/puan. Oleh itu, segala kerjasama yang pihak tuan/puan berikan amat saya hargai dan saya dahului dengan ribuan terima kasih. Untuk makluman pihak tuan/puan, segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya digunakan untuk kajian ini sahaja.

Sekian terima kasih.

BORANG SOAL SELIDIK
FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN:
GOLONGAN BEKERJA SENDIRI/USAHAWAN

⊖ *Sila tandakan (X) di dalam kotak yang berkenaan. Anda boleh menanda lebih daripada satu kotak jika berkaitan.*

BAHAGIAN A : PROFIL RESPONDEN

1. Umur tahun.

2. Jantina

Lelaki

Perempuan

3. Jenis Perniagaan

Perniagaan sendiri

Keluarga

Perkongsian

Lain - lain

4. Anggaran pendapatan/keuntungan bulanan:

(RM 500 – RM 1000)

(RM 1100 – RM 1500)

(RM 1600 – RM 2000)

(RM 2100 – RM 2500)

(RM 2600 dan ke atas)

5. Bilangan isi rumah:

(1 hingga 2 orang)

(3 hingga 5 orang)

(6 hingga 8 orang)

(8 orang dan ke atas)

6. Taraf pendidikan anda?

Tiada

Sekolah Rendah (UPSR)

Sekolah Menengah Rendah (PMR/SRP)

Sekolah Menengah SPM/SPVM

Diploma/STPM

Ijazah dan ke atas

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PEKERJAAN

7) Berapa lamakah anda telah berkecimpung dalam perniagaan?

1 – 5 bulan

6 – 12 bulan

1 – 5 tahun

6 – 10 tahun

11 tahun dan ke atas

8) Adakah anda memang berminat dalam dunia perniagaan?

Ya

Tidak

9) Dari manakah anda mendapatkan modal perniagaan? (tanda satu jawapan sahaja)

Simpanan sendiri

Bantuan kerajaan

Bank Pertanian atau lain lain bank

Lain-lain

10) Bilakah waktu operasi perniagaan?

< 8 jam sehari

8 - 11 jam sehari

12 jam sehari

> 12 jam sehari

11) Adakah anda pernah mengikuti kursus/bengkel/seminar keusahawanan? Jika

Ya nyatakan jenis kursus.

Ya

(Jenis kursus)(sila jawab soalan 12 hingga 16)

Tidak (sila jawab soalan 17 hingga 20)

12) Penganjur kursus/bengkel/seminar keusahawanan tersebut?

- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- Badan-badan swasta
- Kerajaan negeri
- Lain-lain

13) Tempoh kursus/bengkel/seminar keusahawanan tersebut?

- 1 hingga 5 hari
- 1 minggu
- 2 minggu
- 3 minggu dan ke atas

14) Adakah anda merasakan tempoh tersebut membantu anda dalam perniagaan?

Jika Ya nyatakan alasan (pilih satu jawapan sahaja)

- Penceramah yang berpengalaman dapat memberi maklumat perniagaan dengan baik.
- Berlaku peningkatan keuntungan selepas menghadiri kursus/bengkel tersebut.
- Dapat mempelajari strategi serta pengurusan perniagaan yang betul.
- Lain –lain.

15) Jika *Tidak* nyatakan alasan (pilih satu jawapan sahaja)

- Tempoh tersebut tidak mencukupi untuk peniaga mempelajari keseluruhan mengenai dunia perniagaan.
- Tiada berlaku kemajuan dalam perniagaan.
- Pengisian yang tidak sesuai dan tidak membantu peniaga.
- Lain-lain.

16) Pada pandangan anda berapakah tempoh kursus/bengkel/seminar yang paling berkesan?

- 1 – 5 hari
- 1 – 2 minggu
- 3 – 4 minggu
- 1 bulan dan ke atas

17) Dari manakah anda mempelajari ilmu perniagaan?

- Keluarga
- Rakan kongsi
- Pengalaman sendiri
- Lain-lain

18) Adakah anda pernah mengetahui mana-mana kursus keusahawanan yang dianjurkan?

Ya

Tidak

19) Pada pandangan anda, adakah kursus keusahawanan perlu untuk meningkatkan pendapatan/keuntungan peniaga?

Ya

Tidak

20) Adakah anda berpuas hati dengan pendapatan yang dimiliki sekarang?

Ya

Tidak

**BAHAGIAN C: RESPON SERTA PANDANGAN TERHADAP PILIHAN
KERJAYA**

(Bagi soalan 21 hingga 26 sila bulatkan jawapan yang dipilih mengikut skala)

- | | |
|----------|----------------------------|
| 5 | sangat setuju |
| 4 | setuju |
| 3 | kurang bersetuju |
| 2 | tidak bersetuju |
| 1 | sangat tidak setuju |

BIL	SOALAN	JAWAPAN				
21.	Adakah anda bersetuju sekiranya program keusahawanan ditingkatkan di negara ini?	1	2	3	4	5
22.	Adakah anda bersetuju bahawa program keusahawanan di negara masih berada pada tahap yang kurang memuaskan?	1	2	3	4	5
23.	Adakah anda setuju bahawa seseorang itu harus mempunyai pengalaman dalam perniagaan?	1	2	3	4	5
24.	Taraf pendidikan tidak begitu diambilkira dalam dunia perniagaan?	1	2	3	4	5
25.	Adakah anda bersetuju bahawa golongan belia kurang berminat menceburi bidang perniagaan?	1	2	3	4	5
26.	Adakah anda bersetuju bahawa masyarakat pada hari ini tidak mahu melibatkan diri dalam perniagaan kerana takut menanggung risiko?	1	2	3	4	5


Soalan 27 hingga 29, sila tandakan (X) pada pilihan jawapan anda.

BIL	SOALAN	YA	TIDAK
27.	Adakah anda memang memilih untuk melibatkan diri dalam perniagaan?		
28.	Adakah terdapat galakan daripada keluarga atau mana-mana pihak?		
29.	Adakah anda pernah mendengar nama tokoh-tokoh perniagaan yang berjaya seperti Tan Sri Syed Mokhtar dan Haji Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad (pengasas Muslim Best)?		

kembalikan semula borang yang telah lengkap diisi kepada pembanci



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE)
Universiti Malaysia Terengganu.



Taburan t
(Pemasukan nilai t bagi luas hujung yang dipilih)

Darjah Kebebasan ν	Luas hujung (α)					
	0.25	0.10	0.05	0.025	0.01	0.005
1	1.00	3.08	6.31	12.71	3.82	63.66
2	0.82	1.89	2.92	4.30	6.96	9.92
3	0.76	1.64	2.35	3.18	4.54	5.84
4	0.74	1.53	2.13	2.78	3.75	4.50
5	0.73	1.48	2.02	2.57	3.36	4.03
6	0.72	1.44	1.94	2.45	3.14	3.71
7	0.71	1.41	1.89	2.36	3.00	3.50
8	0.71	1.40	1.86	2.31	2.90	3.36
9	0.70	1.38	1.83	2.26	2.82	3.25
10	0.70	1.37	1.81	2.23	2.76	3.17
11	0.70	1.36	1.80	2.20	2.72	3.11
12	0.70	1.36	1.78	2.18	2.68	3.05
13	0.69	1.35	1.77	2.16	2.65	3.01
14	0.69	1.35	1.76	2.14	2.62	2.98
15	0.69	1.34	1.75	2.13	2.60	2.95
16	0.69	1.34	1.75	2.12	2.58	2.92
17	0.69	1.33	1.74	2.11	2.57	2.90
18	0.69	1.33	1.73	2.10	2.55	2.88
19	0.69	1.33	1.73	2.09	2.54	2.86
20	0.69	1.33	1.72	2.09	2.53	2.85
21	0.69	1.32	1.72	2.08	2.52	2.83
22	0.69	1.32	1.72	2.07	2.51	2.82
23	0.69	1.32	1.71	2.07	2.50	2.81
24	0.68	1.32	1.71	2.06	2.49	2.80
25	0.68	1.32	1.71	2.06	2.49	2.79
26	0.68	1.31	1.71	2.05	2.48	2.78
27	0.68	1.31	1.70	2.05	2.47	2.77
28	0.68	1.31	1.70	2.05	2.47	2.76
29	0.68	1.31	1.70	2.05	2.46	2.76
30	0.68	1.31	1.70	2.04	2.46	2.75
40	0.68	1.30	1.68	2.02	2.42	2.70
60	0.68	1.30	1.67	2.00	2.39	2.66
∞	0.67	1.28	1.64	1.96	2.33	2.58

Sumber: Dipetik daripada Earl K. Bowen, Martin K. Starr, (1988) *Basic Statistics for Business and Economics*, Mc.Graw-Hill, Inc. Singapore, muka surat 711

Taburan F


Taburan F bagi $\alpha = 0.01$

Taburan F mempunyai fungsi ketumpatan kebarangkalian:

$$f(x) = \frac{\Gamma\left(\frac{1}{2}v_1 + \frac{1}{2}v_2\right)}{\Gamma\left(\frac{1}{2}v_1\right)\Gamma\left(\frac{1}{2}v_2\right)} v_1^{\frac{1}{2}v_1} v_2^{\frac{1}{2}v_2} \frac{u x^{\frac{1}{2}v_1-1}}{(v_2 + v_1 x)^{\frac{1}{2}(v_1+v_2)}}$$

Darjah kebebasan v_1 dan v_2 sebagai parameternya. Luas kawasan berlorek dalam rajah bersamaan dengan nilai 1 - F atau $P(X > u)$ untuk α dan v_1, v_2 yang tercatat dalam jadual, iaitu

$$\alpha = P(X > u) = \int_u^{\infty} f(x) du$$



Nilai F untuk luas hujung kanan bagi $\alpha = 0.01$

$v_2 \backslash v_1$		darjah kebebasan untuk pembilang									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
darjah kebebasan untuk penyebut	1	4052	5000	5403	5625	5764	5859	5928	5982	6022	6056
	2	98.5	99.0	19.2	99.2	99.3	99.3	99.4	99.4	99.4	99.4
	3	34.1	30.8	29.5	28.7	28.2	27.9	27.7	27.5	27.3	27.2
	4	21.1	18.0	16.7	16.0	15.5	15.2	15.0	14.8	14.7	14.5
	5	16.3	13.3	12.1	11.4	11.0	10.7	10.5	10.3	10.2	10.1
	6	13.7	10.9	9.78	9.15	8.75	8.47	8.26	8.10	7.98	7.87
	7	12.2	9.55	8.45	7.85	7.46	7.19	6.99	6.84	6.72	6.62
	8	11.3	8.65	7.59	7.01	6.63	6.37	6.18	6.03	5.91	5.81
	9	10.6	8.02	6.99	6.42	6.06	5.80	5.61	5.47	5.35	5.26
	10	10.0	7.56	6.55	5.99	5.64	5.39	5.20	5.06	4.94	4.85
	11	9.65	7.21	6.22	5.67	5.32	5.07	4.89	4.74	4.61	4.54
	12	9.33	6.93	5.95	5.41	5.06	4.82	4.64	4.50	4.39	4.30
	13	9.07	6.70	5.74	5.21	4.86	4.62	4.44	4.30	4.19	4.10
	14	8.86	6.51	5.56	5.04	4.70	4.46	4.28	4.14	4.03	3.94
	15	8.68	6.36	5.42	4.89	4.56	4.32	4.14	4.00	3.89	3.80
	16	8.53	6.23	5.29	4.77	4.44	4.20	4.03	3.89	3.78	3.69
	17	8.40	6.11	5.19	4.67	4.34	4.10	3.93	3.79	3.68	3.59
	18	8.29	6.01	5.09	4.58	4.25	4.01	3.84	3.71	3.60	3.51
	19	8.19	5.93	5.01	4.50	4.17	3.94	3.77	3.63	3.52	3.43
	20	8.10	5.85	4.94	4.43	4.10	3.87	3.70	3.56	3.46	3.37
	21	8.02	5.78	4.87	4.37	4.04	3.81	3.64	3.51	3.40	3.31
	22	7.95	5.72	4.82	4.31	3.99	3.76	3.59	3.45	3.35	3.26
	23	7.88	5.66	4.76	4.26	3.94	3.71	3.54	3.41	3.30	3.21
	24	7.82	5.61	4.72	4.22	3.90	3.67	3.50	3.36	3.26	3.17
	25	7.77	5.57	4.68	4.18	3.86	3.63	3.46	3.32	3.22	3.13
30	7.56	5.39	4.51	4.02	3.70	3.47	3.30	3.17	3.07	2.98	
40	7.31	5.18	4.31	3.83	3.51	3.29	3.12	2.99	2.89	2.80	
60	7.08	4.98	4.13	3.65	3.34	3.12	2.95	2.82	2.72	2.63	
120	6.85	4.79	3.95	3.48	3.17	2.96	2.79	2.66	2.56	2.47	
∞	6.63	4.61	3.78	3.32	3.02	2.80	2.64	2.51	2.41	2.32	

Sumber: Dipek daripada Earl K. Bowen, Marvin K. Starr, (1988), Basic Statistics for Business and Economics, McGraw-Hill, Inc, Singapura, mukasurat 712.


Taburan F bagi $\alpha = 0.05$

Nilai F untuk luas hujung kanan bagi $\alpha = 0.05$

Contoh:

(a) Apabila $v_1 = 4, v_2 = 6$ dan $\alpha = 0.01$
maka $F_{\alpha; v_1, v_2} = 9.15$

(b) Apabila $v_1 = 7, v_2 = 3$ dan $\alpha = 0.05$
maka $F_{\alpha; v_1, v_2} = 8.89$



$v_1 \backslash v_2$		darjah kebebasan untuk pembilang									
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
darjah kebebasan untuk penyebut	1	161	200	216	225	230	234	237	239	241	242
	2	18.5	19.0	19.2	19.2	19.3	19.3	19.4	19.4	19.4	19.4
	3	10.1	9.55	9.28	9.12	9.01	8.94	8.89	8.85	8.81	8.79
	4	7.71	6.94	6.59	6.39	6.26	6.16	6.09	6.04	6.00	5.96
	5	6.61	5.79	5.41	5.19	5.05	4.95	4.88	4.82	4.77	4.74
	6	5.99	5.14	4.76	4.53	4.39	4.28	4.21	4.15	4.10	4.06
	7	5.59	4.74	4.35	4.12	3.97	3.87	3.79	3.73	3.68	3.64
	8	5.32	4.46	4.07	3.84	3.69	3.58	3.50	3.44	3.39	3.35
	9	5.12	4.26	3.86	3.63	3.48	3.37	3.29	3.23	3.18	3.14
	10	4.96	4.10	3.71	3.48	3.33	3.22	3.14	3.07	3.02	2.99
	11	4.84	3.98	3.59	3.36	3.20	3.09	3.01	2.95	2.90	2.85
	12	4.75	3.89	3.49	3.26	3.11	3.00	2.91	2.85	2.80	2.75
	13	4.67	3.81	3.41	3.18	3.03	2.92	2.83	2.77	2.71	2.67
	14	4.60	3.74	3.34	3.11	2.95	2.85	2.76	2.70	2.65	2.60
	15	4.54	3.68	3.29	3.06	2.90	2.79	2.71	2.64	2.59	2.54
	16	4.49	3.63	3.24	3.01	2.85	2.74	2.66	2.59	2.54	2.49
	17	4.45	3.59	3.20	2.96	2.81	2.70	2.61	2.55	2.49	2.45
	18	4.41	3.55	3.16	2.93	2.77	2.66	2.58	2.51	2.46	2.41
	19	4.38	3.52	3.13	2.90	2.74	2.63	2.54	2.48	2.42	2.38
	20	4.35	3.49	3.10	2.87	2.71	2.60	2.51	2.45	2.39	2.35
	21	4.32	3.47	3.07	2.84	2.68	2.57	2.49	2.42	2.37	2.32
	22	4.30	3.44	3.05	2.82	2.66	2.55	2.46	2.40	2.34	2.30
	23	4.28	3.42	3.03	2.80	2.64	2.53	2.44	2.37	2.32	2.27
	24	4.26	3.40	3.01	2.78	2.62	2.51	2.42	2.36	2.30	2.25
	25	4.24	3.39	2.99	2.76	2.60	2.49	2.40	2.34	2.28	2.24
30	4.17	3.92	2.92	2.69	2.53	2.42	2.33	2.27	2.21	2.16	
40	4.08	3.23	2.84	2.61	2.45	2.34	2.25	2.18	2.12	2.08	
60	4.00	3.15	2.76	2.53	2.37	2.25	2.17	2.10	2.04	1.99	
120	3.92	3.07	2.68	2.45	2.29	2.18	2.09	2.02	1.96	1.91	
∞	3.84	3.00	2.60	2.37	2.21	2.10	2.01	1.94	1.88	1.83	

Sumber: Dipetik daripada Earl K. Bowen, Martin K. Starr, (1988), Basic Statistics for Business and Economics, McGraw-Hill, Inc., Singapore, mukasurat 713.

FAKTOR MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENDAPATAN ANTARA GOLONGAN BERPENDAPATAN TETAP DENGAN GOLONGAN BEKERJA SENDIRI/USAHAWAN: KAJIAN KES KUALA TERENGGANU - SITI ROHAIZA BTE MD YASIN